

PENGARUH *RELIGIOSITI*, PENAKTILAN MORAL DAN
PENGHAYATAN NILAI MURNI TERHADAP TINGKAH
LAKU PROSOSIAL DALAM KALANGAN PELAJAR
DI BANDA ACEH, INDONESIA

SAFRILSYAH

IJAZAH DOKTOR FALSAFAH
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
2018

**PENGARUH *RELIGIOSITI*, PENAAKULAN MORAL DAN
PENGHAYATAN NILAI MURNI TERHADAP TINGKAH LAKU
PROSOSIAL DALAM KALANGAN PELAJAR
DI BANDA ACEH, INDONESIA**

SAFRILSYAH

**IJAZAH DOKTOR FALSAFAH
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
2018**

Abstract

The phenomenon of decline in prosocial behaviors among students is alarming in Indonesia. This is seen as the decline of values and morals and the violation of society norms amongst students. Therefore, this study focuses on the relationship between religiosity and prosocial behavior whereby moral reasoning and appreciation of pure values are used as mediator variables. The methodology of this study used cross sectional survey. The data were collected using questionnaire, religiosity was measured using the Secondary Student Islamic Education Scale (SPPIP-M) from Azma (2006), Moral Reasoning was measured using the Honorable Scheme of Identity Scheme (UPSTA) from Aswati Hamzah (2007), appreciation of pure values was measured using pure values internalization from Mohamad Khairi Othman (2011) and prosocial behavior was measured using the Prosocial Tendencies Measure (PTM) built by Carlo (2010). The sampling method used multiple tier sampling techniques. Students were randomly selected among 649 students at eight high schools in Banda Aceh, Indonesia. Data were analyzed based on Pearson correlation and multiple regression. The findings show that there is a significant positive relationship between religiosity ($r=.606; p<.00$), moral reasoning ($r=.294; p<.00$) and appreciation of pure values ($r=.668; p<.00$) with student's prosocial behavior. The findings also showed significant influence between the main variables dimensions and student demographics on prosocial behavior ($R^2=.622; p<.00$). In addition, the findings also prove that the pursuit of pure values is only partial mediator between the religiosity and prosocial behavior of the students. The conclusion of the study shows that the level of religiosity, moral reasoning and appreciation of pure values affects prosocial behavior. Furthermore, only the pursuit of pure values serves as a partial mediator to improve religiosity practice as the basis of the formation of student's prosocial behavior.

Keywords: Religiosity, Moral Reasoning, Pure Values, Prosocial Behavior.

Isi Kandungan

Kebenaran Mengguna	i
Abstrak	ii
Abstract	iii
Penghargaan	iv
Perakuanan	v
Isi Kandungan	vi
Senarai Jadual	xii
Senarai Rajah	xvi
Senarai Singkatan	xvii
Senarai Lampiran	xviii
 BAB SATU PENGENAIAN	 1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.2.1 Penghayatan Nilai Murni dan Tingkah Laku Prososial	6
1.2.2 <i>Religiositi</i> dan Tingkah Laku Prososial Remaja	8
1.2.3 Penaakulan Moral dan Tingkah Laku Prososial Remaja	9
1.2.4 Faktor-faktor Persekitaran dan Tingkah Laku Prososial Remaja	11
1.3 Pernyataan Masalah	12
1.4 Objektif Kajian	21
1.4.1 Objektif Umum	21
1.4.2 Objektif Khusus	21
1.5 Persoalan Kajian	22
1.6 Hipotesis Kajian	23
1.7 Signifikan Kajian	28
1.8 Definisi Operasional	31
1.8.1 <i>Religiositi</i>	31
1.8.2 Penaakulan Moral	33
1.8.3 Penghayatan Nilai Murni	35
1.8.4 Tingkah Laku Prososial	38
1.8.5 Pelajar	40

Senarai Rajah

Rajah 1.1:	Model Kerangka Konseptual Kajian.....	42
Rajah 2.1:	Model Perkembangan <i>Religiositi</i> Individu	48
Rajah 2.2:	Model <i>Religiositi</i> Perspektif Islam.....	50
Rajah 2.3:	Model Mental untuk Pengaktifan Skema Dilema Heinz (DIT, Rest 1999)	55
Rajah 2.4:	Gaya Kepimpinan Dan Perilaku Dalam Teori Perkembangan Moral (Graham, 1995)	70
Rajah 2.5:	Komponen Pendidikan Moral (Lickona, 1991)	72
Rajah 2.6:	Model Konsep Nilai/Moral	97
Rajah 2.7:	Skema Komponen Sikap dari Triandis (1971)	99
Rajah 2.8:	Kerangka Teoritikal Kajian.....	104
Rajah 3.1:	Pengiraan Saiz Sampel Setiap Jenis Sekolah	113
Rajah 4.1:	Kerangka Model Pengantaraan	218
Rajah 4.2:	Kerangka Model Pengantaraan A	221
Rajah 4.3:	Kerangka Model Pengantaraan B	223
Rajah 5.1:	Cadangan Model <i>Religiositi</i> , Penaakulan Moral dan Penghayatan Nilai Murni terhadap Pembangunan Tingkah Laku Prososial Belia Indonesia	273

1.9	Kerangka Konseptual Kajian	41
1.10	Batasan Kajian	42
1.11	Rumusan.....	43

BAB DUA SOROTAN LITERATUR 44

2.1	Pendahuluan	44
2.2	<i>Religiositi</i>	44
2.2.1	Teori <i>Religiositi</i>	47
2.2.2	Dimensi <i>Religiositi</i>	52
2.2.3	<i>Religiositi</i> Menurut Perspektif Islam	59
2.2.4	Hubungan <i>Religiositi</i> dengan Tingkah Laku Prososial.....	64
2.3	Perkembangan Moral	66
2.3.1	Teori Perkembangan Moral.....	68
2.3.2	Teori Perkembangan Moral dalam Pendidikan Moral	77
2.3.3	Penaakulan Moral menurut Perspektif Islam	80
2.3.4	Hubungan <i>Religiositi</i> , Penaakulan Moral dengan Tingkah Laku Prososial.....	85
2.4	Penghayatan Nilai Murni	93
2.4.1	Teori Penghayatan Nilai Murni.....	95
2.4.2	Hubungan <i>Religiositi</i> , Penghayatan Nilai Murni dengan Tingkah Laku Prososial.....	97
2.5	Tingkah Laku Prososial.....	103
2.5.1	Teori Tingkah Laku Prososial	104
2.5.1.1	Teori Pelaziman Operan B.F Skinner	104
2.5.1.2	Teori Tingkah Laku Carlo.....	105
2.5.1.3	Teori Tingkah Laku Triandis	106
2.6	Kerangka Teoritikal.....	109
2.7	Rumusan.....	113

BAB TIGA METODOLOGI KAJIAN 114

3.1	Pendahuluan	114
3.2	Reka Bentuk Kajian	114
3.3	Populasi dan Persampelan Kajian	117

3.3.1	Populasi Kajian	117
3.3.2	Sampel Saiz	119
3.4	Instrumen Kajian	124
3.4.1	Instrumen Tingkah Laku <i>Religiositi</i>	125
3.4.2	Instrumen Penaakulan Moral	129
3.4.3	Instrumen Penghayatan Nilai Murni	135
3.4.4	Instrumen Tingkah Laku Prososial	136
3.5	Prosedur Pengumpulan Data	139
3.6	Kajian Rintis	140
3.6.1	Analisis Kesahan	141
3.6.2	Penapisan Data	143
3.6.3	Analisis Kehilangan Data	143
3.6.4	Ujian Diagnosis <i>Outliers</i>	144
3.6.5	Ujian Normaliti Pemboleh Ubah Kajian	145
3.6.6	Ujian Kehomogenan Sampel Kajian	146
3.6.7	Kesahan dan Kebolehpercayaan	147
	3.6.7.1 Kebolehpercayaan	147
3.6.8	Analisis Faktor	149
	3.6.8.1 Keputusan Analisis Faktor Eksploratori Pemuatan Faktor <i>Religiositi</i>	151
	3.6.8.2 Keputusan Analisis Faktor Eksploratori Pemuatan Faktor Penaakulan Moral	153
	3.6.8.3 Keputusan Analisis Faktor Eksploratori Pemuatan Faktor Penghayatan Nilai Murni	154
	3.6.8.4 Keputusan Analisis Faktor Eksploratori Pemuatan Faktor Tingkah Laku Prososial	157
3.7	Penganalisan Data	159
3.8	Rumusan	162
 BAB EMPAT DAPATAN KAJIAN		163
4.1	Pendahuluan	163
4.2	Demografi Responden	163
4.3	Dapatan Deskriptif Kajian	167

4.3.1	Tahap Amalan <i>Religiositi</i>	168
4.3.2	Tahap Penaakulan Moral.....	168
4.3.3	Tahap Amalan Penghayatan Nilai Murni.....	169
4.3.4	Tahap Amalan Tingkah Laku Prososial.....	169
4.4	Pengujian Hipotesis.....	170
4.4.1	Perbezaan Amalan <i>Religiositi</i> dan Penaakulan Moral, Penghayatan Nilai Murni dan Tingkah Laku Prososial Berdasarkan Aspek Demografi.....	171
4.4.2	Hubungan antara Amalan <i>Religiositi</i> , Penaakulan Moral dan Tingkah Laku Prososial.....	189
4.4.3	Pengaruh <i>Religiositi</i> , Penaakulan Moral, Penghayatan Nilai Murni terhadap Tingkah Laku Prososial.....	191
4.4.4	Pengaruh Pemboleh Ubah Utama (<i>Religiositi</i> , Penaakulan Moral) dan Pemboleh Ubah Demografi Responden (Jantina, Tempat Tinggal dan Jenis Sekolah) terhadap Tingkah Laku Prososial.....	202
4.4.5	Pengaruh Pemboleh Ubah Perantara (<i>Mediator Variable</i>) terhadap Hubungan Antara <i>Religiositi</i> dengan Tingkah Laku Prososial Pelajar.....	217
4.4.5.1	Pengaruh Pengantaraan (<i>Mediator</i>) Penaakulan Moral terhadap Hubungan antara <i>Religiositi</i> dengan Tingkah Laku Prososial.....	220
4.4.5.2	Pengaruh Pengantaraan (<i>Mediator</i>) Penghayatan Nilai Murni terhadap Hubungan antara <i>Religiositi</i> dengan Tingkah Laku Prososial.....	222
4.5	Rumusan Dapatan Kuantitatif.....	224
BAB LIMA PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN.....		226
5.1	Pendahuluan.....	226
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian.....	226
5.2.1	Tahap Amalan <i>Religiositi</i> , Penaakulan Moral, Penghayatan Nilai Murni dan Tingkah Laku Prososial dalam Kalangan Pelajar.....	227
5.2.1.1	Tahap Amalan <i>Religiositi</i>	227
5.2.1.2	Tahap Amalan Penaakulan Moral.....	228

5.2.1.3 Tahap Amalan Penghayatan Nilai Murni.....	230
5.2.1.4 Tahap Amalan Tingkah Laku Prososial.....	232
5.2.2 Perbezaan bagi <i>Religiositi</i> , Penaakulan Moral, Penghayatan Nilai Murni dan Tingkah laku Prososial Berdasarkan Demografi (Jantina, Tempat Tinggal dan Jenis Sekolah).....	233
5.2.2.1 Perbezaan Berdasarkan Demografi Jantina.....	233
5.2.2.2 Perbezaan Berdasarkan Demografi Tempat Tinggal	237
5.2.2.3 Perbezaan Berdasarkan Demografi Jenis Sekolah.....	241
5.2.3 Hubungan antara <i>Religiositi</i> , Penaakulan Moral, Penghayatan Nilai Murni dan Tingkah Laku Prososial.....	248
5.2.3.1 Hubungan antara <i>Religiositi</i> dengan Penaakulan Moral Pelajar Sekolah Menengah di Banda Aceh	248
5.2.3.2 Hubungan antara <i>Religiositi</i> dengan Penghayatan Nilai Murni Pelajar Sekolah Menengah di Banda Aceh	250
5.2.3.3 Hubungan antara <i>Religiositi</i> dengan Tingkah Laku Prososial Pelajar Sekolah Menengah di Banda Aceh	253
5.2.3.4 Hubungan antara Penaakulan Moral dengan Tingkah Laku Prososial Pelajar Sekolah Menengah di Banda Aceh	255
5.2.3.5 Hubungan Antara Penghayatan Nilai Murni dengan Tingkah Laku Prososial Pelajar Sekolah Menengah di Banda Aceh	256
5.2.4 Pengaruh <i>Religiositi</i> , Penaakulan Moral dan Penghayatan Nilai Murni terhadap Tingkah Laku Prososial Pelajar, Pengaruh daripada Setiap Dimensi Pemboleh Ubah Utama (<i>Religiositi</i> , Penaakulan Moral dan Penghayatan Nilai Murni) dan Pemboleh Ubah Utama Demografi (Jantina, Tempat Tinggal dan Jenis Sekolah) terhadap Tingkah Laku Prososial Pelajar	260
5.2.4.1 Pengaruh <i>Religiositi</i> Terhadap Tingkah Laku Prososial Pelajar.....	260
5.2.4.2 Pengaruh Penaakulan Moral terhadap Tingkah Laku Prososial Pelajar.....	263
5.2.4.3 Pengaruh penghayatan Nilai Murni terhadap Tingkah Laku Prososial Pelajar	265
5.2.4.4 Pengaruh Pemboleh Ubah Utama (<i>Religiositi</i> ,	

	Penaakulan Moral dan Penghayatan Nilai Murni) dan Pemboleh Ubah Utama Demografi (Jantina, Tempat Tinggal dan Jenis Sekolah) terhadap Tingkah Laku Prososial.....	266
5.2.5	Pengaruh Penaakulan Moral dan Penghayatan Nilai Murni sebagai Pemboleh Ubah Perantara terhadap Hubungan antara <i>Religiositi</i> dengan Tingkah Laku Prososial	270
5.2.5.1	Pengaruh antara <i>Religiositi</i> terhadap Tingkah Laku Pelajar Berdasarkan kepada Penaakulan Moral sebagai Mediator	270
5.2.5.2	Pengaruh antara <i>Religiositi</i> terhadap Tingkah Laku Prososial Pelajar Berdasarkan kepada Penghayatan Nilai Murni sebagai Mediator	273
5.3	Rumusan Kajian	276
5.4	Implikasi Kajian	277
5.4.1	Implikasi Kepada Teori dan Model	277
5.4.2	Implikasi Kepada Pengamal.....	279
5.5	Cadangan Kajian Akan Datang	283
5.6	Kesimpulan.....	286
	Rujukan.....	288

Senarai Jadual

Jadual 1.1:	Data Pelanggaran Syariat Di Kota Banda Aceh (Kes Khalwat dan Zina) pada (Januari-Oktober 2015).....	13
Jadual 2.1:	Model Kognitif Perkembangan Moral (Kohlberg, 1967)	69
Jadual 2.2:	Integrasi Nilai-nilai Murni dalam Mata Pelajaran Di Sekolah Al-Azhar 21 Pontianak.....	94
Jadual 3.1:	Jumlah Sampel Kajian Mengikut Jenis Sekolah	114
Jadual 3.2:	Kriteria Jenis Sekolah Menengah Atas di Daerah Aceh	115
Jadual 3.3:	Senarai Sekolah Menengah Agama yang Terlibat dalam Kajian.....	116
Jadual 3.4:	Taburan Soal Selidik.....	117
Jadual 3.5:	Sub Kontrak Soal Selidik Penghayatan Pendidikan Islam Pelajar Menengah (SPPIP-M).....	120
Jadual 3.6:	Skala Likert Lima Mata	120
Jadual 3.7:	Sub Kontrak Skala Ujian Pengecaman Taakulan Akhlak (UPSTA)	124
Jadual 3.8:	Sub Kontrak Skala Penghayatan Nilai Murni (SPNM).....	128
Jadual 3.9:	Taburan Item Instrumen Tingkah Laku Prososial (PTM-R).....	129
Jadual 3.10:	Nilai Kepencongan dan Kurtosis	146
Jadual 3.11:	Keputusan Ujian Kehomogenan	146
Jadual 3.12:	Nilai <i>Cronbach Alpha</i> Instrumen Kajian	149
Jadual 3.13:	Keputusan Analisis Faktor Eksploratori Pemuatan Faktor <i>Religiositi</i>	152
Jadual 3.14:	Keputusan Analisis Faktor Eksploratori Pemuatan Faktor <i>Penaakulan Moral</i>	154
Jadual 3.15:	Keputusan Analisis Faktor Eksploratori Pemuatan Faktor <i>Penghayatan Nilai Murni</i>	156
Jadual 3.16:	Keputusan Analisis Faktor Eksploratori Pemuatan Faktor <i>Tingkah Laku Prososial</i>	158
Jadual 3.17:	Matrik Analisis Data Berdasarkan Objektif Kajian	161
Jadual 4.1:	Demografi Responden.....	166
Jadual 4.2:	Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Setiap Dimensi Mengikut Pemboleh Ubah	169

Jadual 4.3:	Perbezaan bagi <i>Religiositi</i> ke atas Jantina	171
Jadual 4.4:	Perbezaan bagi <i>Religiositi</i> ke atas Tempat Tinggal	172
Jadual 4.5:	Statistik Anova Sehala Perbezaan bagi <i>Religiositi</i> ke atas Jenis Sekolah.....	173
Jadual 4.6:	Hasil Ujian Post-Hoc bagi <i>Religiositi</i> ke atas Jenis Sekolah	175
Jadual 4.7:	Taburan Amalan <i>Religiositi</i> ke atas Jenis Sekolah	175
Jadual 4.8:	Perbezaan bagi Penaakulan Moral ke atas Jantina.....	176
Jadual 4.9:	Perbezaan bagi Penaakulan Moral ke atas Tempat Tinggal.....	177
Jadual 4.10:	Statistik Anova Sehala Perbezaan bagi Penaakulan Moral ke atas Jenis Sekolah.....	178
Jadual 4.11:	Perbezaan bagi Penghayatan Nilai Murni ke atas Jantina.....	180
Jadual 4.12:	Perbezaan bagi Penghayatan Nilai Murni ke atas Tempat Tinggal.....	181
Jadual 4.13:	Statistik Anova Sehala Perbezaan bagi Penghayatan Nilai Murni ke atas Jenis Sekolah.....	182
Jadual 4.14:	Hasil Ujian Post-Hoc bagi Penghayatan Nilai Murni ke atas Jenis Sekolah.....	183
Jadual 4.15:	Taburan Amalan Penghayatan Nilai Murni ke atas Jenis Sekolah.....	184
Jadual 4.16:	Perbezaan bagi Tingkah Laku Prososial ke atas Jantina	185
Jadual 4.17:	Perbezaan bagi Tingkah Laku Prososial ke atas Tempat Tinggal.....	186
Jadual 4.18:	Statistik Anova Sehala Perbezaan bagi Tingkah Laku Prososial ke atas Jenis Sekolah.....	187
Jadual 4.19:	Hasil Ujian Post-Hoc bagi Tingkah Laku Prososial ke atas Jenis Sekolah.....	188
Jadual 4.20:	Taburan Amalan Tingkah Laku Prososial ke atas Jenis Sekolah.....	189
Jadual 4.21:	Hubungan antara Dimensi-dimensi <i>Religiositi</i> dan Penaakulan Moral Pelajar Sekolah Menengah di Banda Aceh	191
Jadual 4.22:	Hubungan antara Dimensi-dimensi <i>Religiositi</i> dan Penghayatan Nilai Murni Pelajar Sekolah Menengah di Banda Aceh.....	193

Jadual 4.23:	Hubungan antara Dimensi-dimensi <i>Religiositi</i> dan Tingkah Laku Prosocial Pelajar Sekolah Menengah di Banda Aceh.....	195
Jadual 4.24:	Hubungan antara Dimensi-dimensi Penaakulan Moral dan Tingkah Laku Prosocial Pelajar Sekolah Menengah di Banda Aceh.....	197
Jadual 4.25:	Hubungan antara Dimensi-Dimensi Penghayatan Nilai Murni dan Tingkah Laku Prosocial Pelajar Sekolah Menengah di Banda Aceh	199
Jadual 4.26:	Pengaruh <i>Religiositi</i> terhadap Tingkah Laku Prosocial	201
Jadual 4.27:	Pengaruh Dimensi <i>Religiositi</i> terhadap Tingkah Laku Prosocial	202
Jadual 4.28:	Pengaruh Penaakulan Moral Terhadap Tingkah Laku Prosocial.....	203
Jadual 4.29:	Pengaruh Dimensi Penaakulan Moral terhadap Tingkah Laku Prosocial	204
Jadual 4.30:	Pengaruh Penghayatan Nilai Murni terhadap Tingkah Laku Prosocial	205
Jadual 4.31:	Pengaruh Dimensi Penghayatan Nilai Murni terhadap Tingkah Laku Prosocial.....	206
Jadual 4.32:	Analisis Regresi Berganda Sumbangan Angkubah Bebas ke atas Tingkah Laku Prosocial	215
Jadual 4.33:	Hubungan <i>Religiositi</i> dan Tingkah Laku Prosocial Pelajar dengan Pemboleh Ubah Pengantara Penaakulan Moral.....	221
Jadual 4.34:	<i>Religiositi</i> dan Tingkah Laku Prosocial Pelajar dengan Pemboleh Ubah Pengantara Penghayatan Nilai Murni	222
Jadual 4.35:	Rumusan Dapatan Kajian Kuantitatif	224

BAB LIMA

PERBINCANGAN, CADANGAN DAN RUMUSAN

5.1 Pendahuluan

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk meninjau perkaitan antara *religiositi*, penaakulan moral, penghayatan nilai murni dan tingkah laku prososial dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Aceh. Dalam kajian ini, penyelidik cuba meneliti pengaruh *religiositi* ke atas pembentukan penaakulan moral, penghayatan nilai murni dan seterusnya meninjau kekuatan pengaruhnya dalam pembentukan tingkah laku prososial pelajar. Kajian ini melibatkan seramai 649 orang pelajar sekolah menengah di Aceh.

Bab ini membincangkan tentang perbincangan dapatan kajian, rumusan kajian, implikasi kajian serta cadangan kajian akan datang. Bahagian perbincangan menumpukan kepada dapatan kajian berdasarkan tujuan dan hipotesis kajian yang telah dibentuk. Bahagian rumusan kajian pula merumuskan secara keseluruhan dapatan kajian manakala bahagian implikasi kajian membincangkan impak kajian ke atas teori yang digunakan di samping aspek praktikal dapatan dalam pembangunan kepimpinan pelajar. Seterusnya, cadangan kajian akan datang membincangkan beberapa usul untuk kajian lanjutan yang berkaitan dengan dapatan kajian dan akhir sekali bahagian penutup merumuskan keseluruhan kajian.

5.2 Perbincangan Dapatan Kajian

Subtopik ini membincangkan berkenaan hasil dapatan kajian bagi semua persoalan kajian yang terlibat.

5.2.1 Tahap Amalan *Religiositi*, Penaakulan Moral, Penghayatan Nilai Murni dan Tingkah Laku Prososial dalam Kalangan Pelajar

Perbincangan yang pertama ialah berkaitan objektif kajian yang pertama iaitu untuk mengenal pasti tahap amalan *religiositi*, penaakulan moral, penghayatan nilai murni dan tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah di Banda Aceh.

5.2.1.1 Tahap Amalan *Religiositi*

Hasil dapatan yang diperoleh dalam kajian ini ialah secara keseluruhannya menunjukkan bahawa tahap amalan *religiositi* pelajar berada pada tahap sederhana tinggi dengan nilai min sebanyak 3.70. Hal ini, dikukuhkan lagi dengan hasil dapatan kajian yang dijalankan oleh Ahmad Johari, Abdul Rahim, Jamaluddin & Nor Salis (2000) yang menyatakan bahawa tahap amalan agama bagi mahasiswa Islam UTM secara keseluruhannya adalah berada pada tahap sederhana dengan nilai min sebanyak 3.52. Menurut kajian ini lagi faktor yang mempengaruhi tahap amalan sederhana dalam kalangan mahasiswa Islam UTM adalah disebabkan oleh faktor persekitaran. Kaedah dan corak didikan yang diberikan semasa zaman kanak-kanak akan mempengaruhi setiap tingkah laku dan

memberi kesan kepada mahasiswa yang kebanyakannya berada dalam lingkungan akhir remaja atau awal dewasa. Tempoh masa atau umur ini adalah merupakan tahap perkembangan seseorang individu yang sarat dengan pelbagai cabaran dan konflik iaitu dari pelbagai aspek misalnya aspek budaya, persekitaran, media massa, identiti dan sebagainya.

Selain itu, dapatan oleh Sarimah Mokhtar, Mohd Kashfi, Ab. Halim Tamuri & Kamarulzaman (2011) juga mendapati bahawa secara keseluruhannya min skor domain penghayatan akhlak Islam responden kajian adalah berada pada tahap sederhana tinggi. Pelajar daripada SMKA menunjukkan dapatan min skor tertinggi bagi ketiga-tiga domain penghayatan akhlak yang dikaji oleh penyelidik iaitu amalan agama dan sifat peribadi manakala domain amalan sosial mempunyai nilai skor min terendah. Menurut kajian ini lagi, aspek penghayatan akhlak hendaklah dikukuhkan lagi dengan mengambil kira aspek faktor persekitaran misalnya seperti teknik pengajaran guru, motivasi, sokongan dan galakan keluarga serta penggunaan bahan bantu mengajar yang baik supaya dapat meningkatkan tahap penghayatan akhlak dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

Walau bagaimanapun, menurut kajian yang dijalankan oleh Saadah Ibrahim (2012) yang mendapati bahawa tahap kefahaman pelajar berkaitan dengan tuntutan menutup aurat yang disarankan dalam agama Islam adalah amat baik tetapi tahap pengamalan mereka masih lagi kurang menyeluruh kerana aurat pada bahagian kaki masih tidak ditutup dengan sempurna apabila keluar daripada rumah. Hal ini menunjukkan bahawa pelajar hanya menjaga aurat pada bahagian badan dan kepala sahaja. Menurut kajian ini lagi beberapa saranan telah dikemukakan oleh penyelidik bagi memperbaiki dan

meningkatkan tahap amalan agama pelajar dengan menekankan kepada didikan agama oleh ibu bapa, masyarakat dan pihak sekolah.

5.2.1.2 Tahap Amalan Penaakulan Moral

Berdasarkan hasil dapatan bagi kajian ini terhadap tahap amalan penaakulan moral ialah berada pada tahap sederhana dengan nilai min sebanyak 3.25. Manakala, bagi dimensi penaakulan moral iaitu dimensi *taqlid*, *taqlid* dekaden, *taqlid* pengetahuan dan *istiqamah* berada pada tahap amalan yang sederhana. Sementara dimensi *istiqamah* pula berada pada tahap sederhana tinggi. Dapatan kajian ini turut disokong oleh Aswati Hamzah (2007) yang menjelaskan bahawa tahap penaakulan moral pelajar adalah berada pada tahap sederhana tinggi di mana empat jenis skema taakulan akhlak akan terhasil apabila para pelajar membuat keputusan dan pertimbangan berasaskan akhlak bagi menyelesaikan sesuatu masalah yang dihadapi atau diberikan.

Namun, terdapat perbezaan berdasarkan kepada kajian yang dijalankan oleh Margaret, Chai Sheau Ming & Ravi Gopal (2006) yang menjelaskan bahawa tahap penaakulan moral yang dijalankan ke atas guru pelatih KDPM dan KPLI adalah berdasarkan kepada empat peringkat yang diambil kira daripada teori perkembangan moral Kohlberg pada tahun 1955 iaitu peringkat pertama (1) orientasi hukuman dan kepatuhan, peringkat kedua (2) pula ialah orientasi instrumental relativis, seterusnya peringkat ketiga (3) ialah orientasi persetujuan antara individu dan peringkat keempat (4) ialah orientasi undang-undang dan peraturan. Hasil dapatan kajian ini mendapati bahawa lebih banyak guru pelatih KPLI yang mempunyai tahap akademik yang lebih tinggi daripada guru pelatih KDPM telah mencapai tahap penaakulan moral yang lebih tinggi iaitu berada pada tahap ketiga (pra-

konvensional) berbanding guru pelatih yang hanya berada pada tahap kedua sahaja (konvensional). Di samping itu, guru pelatih KPLI yang berumur lebih tua dapat mencapai tahap pnaakulan moral yang lebih baik dan tinggi berbanding guru pelatih KDPM yang berumur lebih muda. Dapatan ini juga disokong oleh banyak kajian yang dijalankan oleh ahli psikologi yang menyatakan bahawa semakin bertambah usia atau meningkat dewasa diri seseorang individu maka pnaakulan moral dan juga nilai moral yang dianuti juga akan semakin bertambah dan mendalam.

Pelajar yang menjadi responden kajian ini memiliki dimensi pnaakulan moral iaitu dimensi *taqlid*, *taqlid* dekadén, *taqlid* pengetahuan dan *istiqamah* berada pada tahap amalan yang sederhana, disebabkan mereka remaja yang purata berumur 16-15 tahun yang dipengaruhi kumpulan rakan sebaya sama ada disekolah ataupun di luar sekolah. Manakala kebolehan pelajar dalam membuat keputusan dan pertimbangan berasaskan kepada nilai murni dan mral islam bagi menyelesaikan sesuatu masalah yang dihadapi belum stabil, masih mudah dipengaruhi oleh rakan sebaya. Begitu juga dengan kesedaran mempelajari pelajaran dan di sekolah masih yakini dengan pentingnya bertingkahtaku bersesuai dengan nilai moral islam supaya membentuk kepribadian positif dimasa hadapan.

5.2.1.3 Tahap Amalan Penghayatan Nilai Murni

Seterusnya, hasil dapatan yang diperoleh melalui kajian ini terhadap tahap amalan penghayatan nilai murni adalah berada pada tahap sederhana tinggi atau nilai skor min sebanyak 3.62 secara keseluruhannya. Hal ini dapat dilihat apabila tahap amalan pelajar terhadap kesemua dimensi penghayatan nilai murni yang dikaji dalam kajian ini turut menunjukkan hasil dapatan sederhana tinggi.

Dapatan kajian ini turut disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Mohd Khairi, Asmawati Suhib dan Samsilah Roslan (2012) yang mendapati bahawa secara keseluruhannya penghayatan nilai murni dalam kalangan pelajar menunjukkan tahap sederhana tinggi. Tiga dimensi nilai murni yang dikaji iaitu nilai hormat-menghormati, nilai patriotisme dan nilai kesyukuran telah menunjukkan bahawa tahap penghayatan nilai murni pelajar adalah berada pada tahap yang tertinggi. Manakala, 14 lagi dimensi nilai murni yang dikaji berada pada tahap sederhana tinggi dan terdapat 3 dimensi nilai lain iaitu nilai semangat bermasyarakat, nilai berdikari dan nilai kerajinan berada pada tahap yang paling rendah.

Walau bagaimanapun, hasil dapatan kajian oleh Yahya Buntat & Rozita Sanapi (2003) mendapati bahawa para pelajar sarjana muda teknologi dan pendidikan menunjukkan tahap penghayatan nilai murni yang tinggi dan positif semasa menjalankan kerja amali bengkel. Namun, terdapat juga tahap penghayatan nilai murni yang berada ada tahap sederhana seperti nilai kerajinan, kasih sayang, kebebasan dan baik hati.

Secara keseluruhannya tahap amalan penghayatan nilai murni pelajar dalam kajian ini adalah pada tahap sederhana tinggi atau nilai skor min sebanyak 3.62 disebabkan oleh pelajar yang berbagai faktor diantaranya orang tua responden sebahagian besar adalah orang tua yang berpendidikan dengan kerjaya di luar rumah iaitu seramai hampir 40 peratus lebih. Sebagai orang tua yang berpendidikan akan senantiasa memperhatikan sikap dan perkembangan tingkah laku anaknya. Namun orang tua yang sibuk bekerja tiada masa yang cukup dalam pendidikan nilai-nilai murni berdasarkan ajaran islam bagi anak-anaknyadi rumah. Hal ini dapat dilihat apabila tahap pendidikan dan pekerjaan orang tua pelajar. Namun secara umumnya pelajar kajian ini memiliki nilai patriotisme yang tinggi

(3.67), dan demokratik (3.65). Kedua dimensi ini sangat diperlukan untuk kesiapan remaja menjadi tunas bangsa yang cinta negara dalam persatuan dan kejayaan, manakala Indonesia dikenal sebagai negara yang berbilang kaum, agama dan kebebasan berpendapat. Nilai demokratik dan patriotisme menjadi peting dalam membimbing kejayaan pelajar menghadapi cabaran di masa hadapan.

5.2.1.4 Tahap Amalan Tingkah Laku Prososial

Bagi dapatan kajian tahap amalan tingkah laku prososial pula menjelaskan secara keseluruhannya nilai skor min yang diperolehi adalah sebanyak 3.38 iaitu berada pada tahap sederhana tinggi. Walaubagaimanapun responden secara umumnya pelajar memiliki dimensi permohonan dan tanpa nama dari tingkah laku prososial yang tinggi. Di satu tepi mereka akan membuat pertolongan apabila mangsa atau orang lain memohon bantuan, mereka cenderung menunggu diminta tidak menolong orang lain secara sekestika. Namun di tepi lain pelajar juga memiliki dimensi tanpa nama yang tinggi, dimana mereka akan membantu orang lain tanpa *pamrih*, tanpa mengharap upah atau hadiah. Mereka akan menolong dengan ikhlas dan tak perlu di kenal siapa yang mereka tolong dan dia pula tak mau di ketahui orang, apabila telah membantu, berkongsi dan berbuat baik kepada sesama orang lain.

Hasil dapatan ini turut disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Noor Shahirah & Azlina Mohd Khir (2016), yang mendapati bahawa tahap kecenderungan tingkah laku prososial dalam kalangan mahasiswa adalah berada pada tahap sederhana. Kajian beliau juga mendapati bahawa majoriti mahasiswa yang dikaji memiliki sifat ingin membantu orang lain yang memerlukan pertolongan. Namun, masih lagi terdapat mahasiswa yang enggan

atau tidak memiliki sifat ingin memberikan bantuan kepada orang lain yang sedang mengalami kesusahan.

5.2.2 Perbezaan bagi *Religiositi*, Penaakulan Moral, Penghayatan Nilai Murni dan Tingkah Laku Prosocial Pelajar Berdasarkan Demografi (Jantina, Tempat Tinggal dan Jenis Sekolah)

Perbincangan pertama bagi kajian ini adalah berdasarkan kepada objektif kajian yang pertama iaitu untuk mengenal pasti perbezaan yang signifikan bagi *religiositi* pelajar, penaakulan moral, penghayatan nilai murni dan tingkah laku prososial pelajar berdasarkan aspek demografi (jantina, tempat tinggal dan jenis sekolah).

5.2.2.1 Perbezaan Berdasarkan Demografi Jantina

Secara umumnya, perbezaan-perbezaan di dalam amalan *religiositi*, penaakulan moral dan tingkah laku prososial adalah berkait dengan pemboleh ubah demografi jantina. Bagi kajian ini, amalan *religiositi* terbukti mempunyai perbezaan pada semua dimensi kecuali akhlak. Walau bagaimanapun, tahap amalan *religiositi* pelajar lelaki lebih tinggi berbanding pelajar perempuan dalam semua dimensi. Dapatan ini sekali gus menyokong pandangan sarjana-sarjana lain dalam membincangkan perbezaan amalan *religiositi* seperti Chen dan Tang (2013), Lazar, Davidovitch dan Coren (2016), Milot dan Ludden (2008), Ortega dan Krauss (2013) dan Yegletu & Raju (2009). Namun, bercanggah dengan kajian penyelidikan lain yang turut mendapati perempuan lebih mudah menurut dan taat kepada ibu bapa serta guru mengaji dalam beribadah berbanding lelaki. Kenyataan ini disokong oleh kajian Miri, Bahrami, Shahyad, Asadi, Siavoshi, Mohamadpur dan

Shiralipour (2011) yang mendapati aspek ibadah pelajar perempuan lebih tinggi berbanding pelajar lelaki. Namun, menurut Isnaini (2010) pula, tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap *religiositi* pelajar pondok lelaki dan perempuan. Walau bagaimanapun, keupayaan memupuk dan membina ibadah dan akhlak pelajar sangat berpengaruh kepada kesedaran dan bimbingan ibu bapa dalam sesebuah keluarga.

Selain itu, hasil analisis juga menunjukkan bahawa tahap penaakulan moral pelajar sekolah menengah lelaki lebih tinggi berbanding pelajar sekolah menengah perempuan. Hal ini selaras dengan kajian Forte (2013), Koenig dan Rogosch (2004) dan Kumru, Carlo, Mestre dan Samper (2012). Dapatan kajian ini menjelaskan bahawa penaakulan moral pelajar lelaki adalah lebih baik berbanding pelajar perempuan. Hal ini kerana, tempoh pendidikan di sekolah agama memberi lebih banyak akses kepada pelajar lelaki untuk meningkatkan tahap kognitif dan kebolehan menjawab sesuatu perkara. Keadaan ini membuktikan bahawa pelajar lelaki lebih memahami nilai-nilai Islam dan adat serta norma-norma masyarakat dalam membuat penaakulan moral berbanding pelajar perempuan (Zailani, 2010).

Dapatan kajian ini juga didapati bercanggah dengan aspek psikologi pembangunan di mana dijelaskan bahawa pelajar perempuan akan lebih cepat mencapai kematangan dan membina empati moral dibandingkan dengan pelajar lelaki (Carlson, 1992). Mengikut kajian psikologi sosial, lelaki lebih bertingkah laku agresif daripada perempuan. Selain itu, masyarakat lebih menerima tingkah laku agresif dan asertif pelajar lelaki berbanding pelajar perempuan. Merujuk kepada kajian psikologi terdapat dua pengaruh dalam menentukan tingkah laku pelajar iaitu proses sosialisasi dan pengaruh biologikal. Menurut Mazur dan Lamb (1980), paratestosteron kanak-kanak lelaki yang mulai meningkat pada

awal belasan tahun menyebabkan tingkah laku agresif turut meningkat. Walau bagaimanapun, faktor proses pemerolehan ilmu pengetahuan dan pengalaman keagamaan di sekolah membolehkan pelajar lelaki lebih memahami dan menghayati nilai-nilai agama dan norma dalam proses sosialisasi yang mereka lakukan. Situasi ini akan menghasilkan faktor tingkah laku agresif pelajar lelaki daripada melakukan tingkah laku negatif. Hal ini, juga menunjukkan bahawa pelajar lelaki lebih konsisten dalam mempertimbangkan sesuatu isu yang melibatkan moral berbanding pelajar perempuan.

Dapatan kajian ini juga bersesuaian dengan kajian-kajian lepas dalam bidang penaakulan moral seperti yang dijalankan oleh Terenzini (1991), Rest (1979) dan Thoma (1986) yang melaporkan bahawa aspek jantina merupakan faktor yang dapat memberi sumbangan dalam kajian perkembangan moral. Bahkan, dalam kajian lepas juga dijelaskan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara skor penaakulan moral dengan jantina secara konsisten (Clouse, 1991 dan Self, 2004). Namun, kajian ini bercanggah dengan dapatan kajian Thoma (1986), Pascarella dan Terenzini (1991), Glover (1997) dan Eissa (2002) yang menyatakan bahawa perbezaan jantina tidak mempengaruhi penaakulan moral pelajar.

Seterusnya dalam kajian ini, tingkah laku prososial terbukti mempunyai perbezaan hanya pada aspek komuniti dan altruisme. Dapatan ini membuktikan tingkah laku prososial pelajar lelaki juga lebih tinggi berbanding pelajar perempuan. Hasil ujian-t menunjukkan bahawa terdapat perbezaan skor dari aspek komuniti dan altruisme tingkah laku prososial pelajar yang signifikan antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan ($t = -2.119$ (649), $p = .034$ dan $t = 2.668$ (649), $p = .008$). Secara keseluruhannya, pelajar lelaki menunjukkan

purata skor tingkah laku prososial yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar perempuan. Perbezaan aspek komuniti dan permohonan yang lebih tinggi kepada pelajar lelaki kerana ianya sesuai dengan aspek psikologi lelaki yang memiliki aktiviti dan kuasa lebih bertenaga berbanding dengan pelajar perempuan. Kaum lelaki lebih mudah dan suka menolong jika dia dianggap sebagai *hero* (pahlawan) oleh orang lain khususnya apabila yang menyebutnya ialah dari kaum perempuan, maka ia lebih bersemangat untuk membantu orang lain yang meminta pertolongan (Latipun, 2010). Dapatan ini sesuai dengan kajian yang dijalankan oleh Ma'rof (2001) yang menyatakan bahawa golongan lelaki lebih berkemungkinan berbanding golongan perempuan untuk menawarkan bantuan dalam situasi kecemasan bagi mangsa yang memerlukan pertolongan cepat dan berbahaya. Beraktiviti secara lasak dan menghadapi cabaran yang berisiko serta berbahaya sememangnya menjadi sebahagian daripada peranan golongan lelaki (Ma'rof, 2001).

Dapatan ini juga menyokong kajian lepas Joseph (2006) dan hasil kajian Eagly (2009) bahawa terdapat perbezaan antara lelaki dan perempuan dalam penekanan jantina tertentu. Perbezaan ini diasaskan kepada keyakinan peranan jantina seperti keyakinan pengagihan kerja, interaksi antara lelaki dan perempuan serta atribut fizikal dan struktur sosial lainnya dalam masyarakat di mana golongan lelaki mungkin mendapat kesempatan yang lebih luas dibandingkan dengan golongan perempuan.

Namun, berbeza dengan kajian Rene dan rakan-rakan (2008) yang menyatakan bahawa pelajar perempuan lebih cenderung menunjukkan tingkah laku prososial yang berempati dan bertanggungjawab berbanding dengan lelaki. Lelaki lebih cenderung untuk membantu

dalam situasi kecemasan, cepat dan berbahaya. Namun, menurut (Latipun, 2010) bagi kes-kes tertentu perempuan lebih menunjukkan tindakan prososial yang tinggi berbanding lelaki dalam memberikan pertolongan terhadap mangsa korban trauma, perawatan kesihatan mental, kaunseling dan dukungan emosional. Walau bagaimanapun, hasil kajian ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan di Banda Aceh yang berperilaku prososial. Dapatan ini boleh jadi disebabkan kerana sebahagian pelajar di Banda Aceh adalah pelajar yang kerap mendapat pendidikan tentang kesediaan menghadapi kondisi kecemasan bila tsunami, gempa dan bencana alam terjadi bila-bila masa. Pada pelajar dan masyarakat banda Aceh kerap mendapat bengkel dan maklumat bagaimana kaedah menghadapi bencana alam dan cara menolong mangsa bencana alam, saling menolong, membantu dan berbagi maklumat adalah kaedah penting dalam menhadapi bencana secara bersama-sama masyarakat. Bandar Banda Aceh adalah salah satu kawasan penting dan percontohan di Indonesia sebagai komuniti yang selalu siap bersedia menghadapi kondisi kecemasan masa bencana alam datang. Kondisi ini ini semua menjadi setiap pelajar di Banda Aceh memiliki amalah tingkah laku prososial yang sederhana dan tinggi, sama ada lelaki mahupun perempuan. Secara umumnya, tidak terdapat perbezaan yang signifikan diantara kumpulan pelajar lelaki dan perempuan.

5.2.2.2 Perbezaan Berdasarkan Demografi Tempat Tinggal

Dapatan kajian juga mendapati hanya tiga pemboleh ubah yang dikaji mempunyai perbezaan mengikut demografi tempat tinggal, iaitu, *religiositi*, penaaakulan moral dan penghayatan nilai murni. Melihat kepada perbezaan aspek tempat tinggal, *religiositi*

menunjukkan terdapat perbezaan secara signifikan bagi semua dimensi *religiositi*. Secara keseluruhan, *religiositi* diamalkan pada tahap tinggi oleh pelajar yang tinggal di bandar berbanding dengan pelajar yang tinggal di luar bandar. Begitu juga dapatannya pada setiap tiga dimensi yang dikaji. Oleh yang demikian, dapatan kajian ini menunjukkan hipotesis Ho2 iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara *religiositi* dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Aceh mengikut tempat tinggal adalah tidak diterima. Dapatan ini selari dengan kajian Dewi Andawiyah (2011) dan kajian Miri et.al (2011). Kajian tersebut mendapati bahawa pelajar yang tinggal di bandar lebih mudah mendapatkan maklumat agama dibandingkan pelajar yang tinggal di luar kota. Masyarakat yang tinggal di bandar lebih memiliki aktiviti keagamaan yang pelbagai, maklumat melalui internet, media sosial, surau dan masjid lebih ramai berbanding dengan pelajar di luar bandar (Ardiansya, 2012 dan Andawiah, 2011).

Walau bagaimanapun, kajian ini bertentangan dengan kajian lepas yang menjelaskan bahawa masyarakat yang tinggal di luar bandar lebih banyak masa untuk melakukan aktiviti keagamaan seperti ibadah dan kuliah agama di surau dan masjid dibandingkan masyarakat di bandar yang menggunakan sepenuh masa di bilik kerja (Afolobi, 2014).

Selain itu, hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa terdapat perbezaan pada tahap tingkah laku prososial mengikut tempat tinggal. Hasil analisis ujian-t dalam kajian ini menunjukkan terdapat perbezaan skor tempat tinggal pelajar yang signifikan antara pelajar yang tinggal di bandar dan pelajar yang tinggal di luar bandar ($t = 2.228$ (649), $p = .026$). Secara keseluruhannya, pelajar yang tinggal di luar bandar menunjukkan min skor tingkah laku prososial yang lebih tinggi (3.761) berbanding dengan pelajar yang tinggal di bandar (3.631). Hasil kajian ini menunjukkan perbezaan tahap tingkah laku prososial yang ketara

antara pelajar yang tinggal di bandar dan pelajar yang tinggal di luar bandar Selari dengan kajian sebelumnya. Menurut Holahan (dalam Sarwono: 2010) individu yang tinggal dalam lingkungan yang padat dan sesak akan menjadikan ia kurang bertingkah laku menolong orang lain. Bahkan kepadatan penduduk dan kos hidup berkorelasi negatif dengan tingkah laku menolong. Situasi lingkungan yang kacau dan tidak stabil akan mudah merangsang pelajar untuk bertingkah laku agresif (Rex, Stenner dan Roger, 1995). Sebaliknya masyarakat di luar bandar, di mana lingkungan masyarakat yang adil dan saling memaafkan dan menghormati menjadi ransangan individu bertingkah laku prososial (Strelan, 2007).

Menurut Kumru *et.al*, (2012), walaupun kajian penyelidikan yang dilakukan di Amerika, Kanada, Australia dan Turki semuanya menunjukkan bahawa memberi pertolongan atau bantuan lebih wujud di luar bandar berbanding di bandar. Namun, di Belanda ternyata menunjukkan bahawa tahap pertolongan yang diberikan tidak berbeza atau sama tingginya dalam semua wilayah atau daerah sama ada di bandar mahu pun di luar bandar.

Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini bercanggah dengan kajian sebelumnya yang mana menurut Baum dan rakan-rakan (1985), masyarakat yang hidup di bandar pada umumnya cepat dalam mendapatkan informasi melalui teknologi, maka anak-anak dan pelajar di bandar boleh belajar dan mendapatkan maklumat dengan cepat melalui media massa, sama ada pendidikan prososial ataupun anti sosial sehingga mereka lebih mengerti akan keperluan dan cara membantu orang lain yang berada di persekitarannya.

Menurut Griesse, E.R. & Buhs, E.S. (2014), hubungan kaum luar bandar yang harmoni merupakan kunci kepada kehidupan rukun dan kestabilan bermasyarakat. Maka, segala

kesangsian, kecurigaan dan ketidakpuasan hati antara kaum secara berlebihan akan berkurang dan akhirnya mereka lebih suka menolong, bertolak ansur dan saling menghormati sesama mereka.

Justeru, budaya masyarakat Aceh yang masih menunjukkan tingkah laku saling menolong terhadap orang lain. Keadaan ini boleh dilihat secara jelas ketika selepas musibah tsunami berlaku. Bagi hasil kajian Safrilsyah et.al (2009), tindakan memberi dan menolong mangsa tsunami telah pun dilakukan oleh masyarakat tempatan bersama dengan pekerja sukarela baik di luar bandar dan yang tinggal di bandar bahkan sebahagian besar orang yang memberikan pertolongan datang dari luar Aceh.

Selanjutnya melihat kepada perbezaan aspek tempat tinggal, secara keseluruhannya tahap penghayatan nilai murni pelajar bandar dan luar bandar menunjukkan terdapat perbezaan secara signifikan. Namun jika di lihat dari masing-masing dimensi hanya dimensi bermasyarakat yang memiliki perbezaan secara bererti. Secara keseluruhan, penghayatan nilai murni diamalkan pada tahap tinggi oleh pelajar yang tinggal di bandar berbanding dengan pelajar yang tinggal di luar bandar. Begitu juga dapatannya pada dimensi bermasyarakat yang dikaji.

Dapatan ini selari dengan kajian Sauri (2016) menurutnya probelamatika remaja di bandar lebih mencabar berbanding dengan mereka yang tinggal di luar bandar. Cabaran zaman globalisasi telah menjauhkan pelajar di bandar dari Akhlakul karimah dan nilai-nilai murni berazaskan agama islam. Namun berkat kededaran para orang tua dan ulama di bandar maka pelajar di bandar lebih menadapat perhatian dengan pembinaan nilai murni dan agama. Pelajar yang hidup di bandar pada umumnya cepat dalam mendapatkan

informasi melalui teknologi, maka pelajar di bandar boleh belajar dan mendapatkan maklumat dengan senang dan cepat melalui media sosial, sama ada pendidikan agama ataupun nilai-nilai murni sehingga mereka lebih dalam penaghayatan nilai murni dalam bertingkah laku. Bahkan pengajian agama yang mengajarkan nilai-nilai murni lebih banyak dihadiri oleh pelajar dan masyarakat di bandar berbanding dengan pengajian di surau dan masjid di luar bandar Aceh (Safrilsyah, Samsul dan Jarjani, 2016).

Walau bagaimanapun, kajian ini bertentangan dengan pendapat Sumardi, K. (2012), menurut beliau pelajar di bandar menghadapi cabaran lebih berat berbanding dengan remaja yang tinggal di luar bandar. Kondisi ini telah menjauhkan mereka dari Akhlakul karimah dan nilai-nilai murni berazaskan islam. Di samping itu mereka juga dalam masa pertumbuhan fizikal dan mental, juga banyak mengalami gejala bimbang pikiran dan jiwa mereka, yang sering menyebabkan mereka mengalami keguncangan dalam hidupnya. Ditambah lagi lagi dengan masyarakat yang kurang ambil kira urusan orang lain menjadi golongan pelajar di bandar lepas kawalan dari pembinaan nilai murni. Lain halnya dengan pelajar luar bandar yang memiliki masyarakat yang saling ambil berat dengan kemerosotan akhlak remaja, mereka masih berusaha membina nilai-nilai murni sama ada di balai pengajian maupun di di rumah (Majid, A & Andayani, 2012).

Dapatan kajian ini juga bertentangan dengan kajian Wening, (2012), menurut beliau pelajar luar bandar memiliki nilai bermasyarakat lebih baik berbanding pelajar bandar disebabkan mereka hidup ditengah masyarakat yang saling ambil peran dengan permasalahan orang lain, mereka suka membantu, saling berkongsi dan berbagi. Kehidupan masyarakat yang saling menolong ini secara tidak langsung telah menjadi faktor pembinaan nilai bermasyarakat pada pelajar di luar bandar. masyarakat yang tinggal

di luar bandar lebih banyak masa untuk melakukan aktiviti sosial keagamaan seperti menolong orang khenduri perkawinan, melawat orang mati, hadir kuliah agama di surau dan masjid dibandingkan dengan masyarakat di bandar yang menggunakan sepenuh masa di bilik kerja. Masyarakat bandar sibuk berkerja dan hidup secara indualistik (Afolobi, 2014). Hal ini yang menyebabkan nilai murni bermasyarakat pelajar bandar lebih rendah kerana mereka hidup ditengah masyarakat indivialistik berbeza dengan pelajar luar bandar yang hidup diantara masyarakat komunal (Mark Halstead, 2007).

Namun demikain dapatan kajian ini mendapati pelajar bandar di Aceh lebih tinggi penghayatan nilai murni berbading dengan luar bandar hanya kepada dimensi bermasyarakat. Budaya menghormati tetamu dan pelancong salah satu budaya yang sedang di popularkan oleh Menteri Besar kota Bandar Aceh, dengan semboyan “*pemulia jamee*” (memuliakan tetamu atau pelancong). Kampen pelancongan ini telah berkesan menjadikan masyarkat Kota Bandar Aceh, khususnya pelajar, mereka menjadi lebih bermasyarkat dan ambil berat dalam berkerjasama dan mehormati orang asing. Ianya salah satu faktor pembinaan penghayatan nilai murni bagi pelajar bandar yang tidak di jumpai pelajar luar bandar di Aceh.

5.2.2.3 Perbezaan Berdasarkan Demografi Jenis Sekolah

Merujuk kepada hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan amalan *religiositi* di antara pelajar berdasarkan jenis sekolah. secara keseluruhannya, terdapat perbezaan yang signifikan terhadap amalan *religiositi* berdasarkan faktor demografi jenis sekolah ($F = 6.02$; $p=0.00<0.05$). Manakala secara

keseluruhannya dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar dari sekolah agama (Madrasah Aliyah) dan tinggal di asrama mengamalkan *religiositi* pada tahap paling tinggi (min= 3.83, s.p= .69), berbanding dengan pelajar disekolah lain. Selanjutnya tahap amalan *religiositi* tinggi juga dimiliki pelajar dari sekolah agama (MA) tidak tinggal di asrama (min= 3.75, s.p= .62), diikuti SMA (Sekolah Menengah Atas) tak berasrama (min= 3.61, s.p=.55) dan SMA berasrama (min= 3.57, s.p=.59).

Walau bagaimanapun, hasil kajian ini mendapati pelajar sekolah menengah dari sekolah menengah agama berasrama mengamalkan *religiositi* pada tahap yang lebih tinggi berbanding pelajar dari sekolah menengah yang lain. Ini berkemungkinan kerana pelajar dari sekolah menengah agama berasrama lebih banyak didedahkan dengan ilmu agama dan moral yang akan meningkatkan tingkah laku prososial. Hal ini, dikukuhkan dengan dapatan kajian Mifdlol & Muthohar (2017) yang turut mendapati bahawa kehidupan para santri yang senantiasa melakukan ibadah di sepanjang pengajian di pondok.

Selain itu, kajian ini selari dengan kajian Iredho Fani Reza (2013) mendapati personaliti pelajar dari Madrasah Aliyah (MA) berasrama seperti pondok pasantren mempunyai aktiviti keagamaan yang memupuk pemahaman dan penghayatan nilai keagamaan lebih baik berbanding dengan pelajar di sekolah bukan agama. Dapatan kajian ini mempunyai persamaan dengan dapatan kajian sebelumnya yang majoriti responden adalah daripada kalangan mereka yang aktif dengan aktiviti keagamaan di sekolah berlatarbelakangkan agama. Di mana didapati personaliti pelajar dari MA berasrama seperti pondok pasantren mempunyai aktiviti keagamaan di sekolah dan asrama yang memupuk persepsi positif pada dimensi *religiositi* yang dikaji iaitu pada dimensi akidah, ibadah dan akhlak berbanding pelajar dari sekolah MA yang tidak berasrama dan SMA berasrama ataupun

SMA tidak berasrama. Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa pelajar sekolah agama (MA) sama ada berasrama ataupun tidak berasrama memiliki pemahaman dan amalan *religiositi* yang lebih baik berbanding dengan pelajar di sekolah umum (SMA) sama ada berasrama ataupun tidak berasrama.

Manakala, dapatan ini bercanggah dengan kajian Isnaini (2013) menyatakan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap amalan *religiositi* pelajar sekolah agama (Madrasah Tsanawiyah) berbanding pelajar sekolah umum (SMP). Daradjat Zakiyah (2002) menjelaskan bahawa sekolah agama yang selalu lebih banyak mempelajari mata pelajaran agama tidak selalu berkesan mempengaruhi amalan *religiositi* pelajar. Namun, nilai penghayatan agama lebih berkesan melalui aktiviti kokurikulum yang ada di setiap sekolah umum atau di luar sekolah.

Di samping itu, hasil kajian ini juga mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara penaaakulan moral pelajar berdasarkan jenis sekolah ($F = 1.92$; $p=0.12 > 0.05$). Namun begitu, dapatan ini bercanggah dengan kajian Penprapa dan Doungma (2008) yang mendapati tahap daya tahan pelajar berbeza mengikut sekolah yang mana pelajar Madrasah Aliah berasrama dan SMA berasrama mempunyai tahap daya tahan yang tinggi berbanding pelajar sekolah menengah agama tak berasrama dan SMA yang tak berasrama yang berada pada tahap rendah. Pelajar-pelajar yang mengambil jurusan Pengajian Islam telah mematuhi agama dan kehidupan beragama yang dipraktikkan memberi mereka semangat yang tinggi dalam menghadapi sebarang kesusahan. Hal ini, adalah konsisten dengan kajian kerohanian, personaliti dan berkait dengan daya tahan (Grotberg, 2000). Kajian Abdurrahman (2011) turut menyatakan bahawa pelajar sekolah agama berasrama lebih mudah memiliki kesedaran diri akan tugas dan kewajipan di

pondok pasantren sehingga mereka mampu menunjukkan tanggungjawab terhadap setiap tindakan yang dilakukan sehingga mampu memilih baik dan buruk sesuatu tindakan. Tanggungjawab yang dimiliki santri akan membentuk kawalan diri yang mana dapat membantu santri untuk mengendalikan pengaruh buruk daripada lingkungan dan persekitaran negatif dalam diri santri seperti malas dan bosan (Hefni, M., 2012). Pelajar di sekolah agama yang berasrama akan cenderung untuk membangun rasa tanggungjawab terhadap diri dan hartanya. Bertanggungjawab terhadap segala tindakan mampu membuat pelajar atau remaja belajar untuk tidak mengulangi hal-hal yang memberikan kesan negatif bagi dirinya. Sikap tanggungjawab, kesedaran diri dan motivasi juga menjadi faktor kepatuhan pelajar terhadap peraturan sekolah (Desmita, 2011; Fiana, Daharnis dan Ridha, 2013; Pozzi *et.al*, 2014).

Oleh itu, pelajar yang berlatar di sekolah agama akan belajar agama dan tasawuf, dimana ia menjadi unsur yang perlu diambil kira dalam pembinaan akhlaq mulia, seperti dapatan kajian Ernsberger (1997) dan Ernsberger & Manaster (1981) terhadap 169 ahli gereja dewasa tentang hubungan orientasi *religiositi* dengan pertimbangan moral mendapati bahawa ahli-ahli gereja konservatif lebih memilih peringkat yang keempat di dalam tahap (konvensional) pertimbangan moral. Sementara itu, ketua gereja konservatif menunjukkan pemilihan yang lebih kuat (pasca konvensional). Manakala, ahli dan pemimpin gereja liberal pula lebih memilih tahap pasca konvensional. Hasil dapatan ini membuktikan bahawa terdapat hubungan antara faktor orientasi *religiositi* dengan pertimbangan moral seseorang di dalam sesebuah agama.

Dapatan kajian ini bertentangan dengan kajian Azizah (1995) mendapati bahawa bentuk pemikiran moral dalam kalangan pelajar sekolah Islam seperti pondok adalah berdasarkan

ketauhidan kepada Allah. Beliau menjelaskan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara agama dengan tahap moral pelajar dalam menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan isu-isu moral. Dapatan ini telah disokong oleh dapatan Daud Hamzah (2000) yang mendapati bahawa pelajar di universiti mempunyai skor yang tinggi terhadap nilai kerohanian dan keagamaan. Keadaan ini menunjukkan bahawa aspek kerohanian dengan pegangan agama yang mereka miliki adalah berkait rapat dan signifikan. Oleh karena itu pelajar yang bersekolah disekolah agama berasrama seperti pondok pasantren memiliki penaaakulan yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar sekolah publik.

Dapatan kajian selanjutnya adalah tentang perbezaan penghayatan nilai murni mengikut jenis sekolah. Merujuk kepada hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan penghayatan nilai murni di antara pelajar berdasarkan jenis sekolah. secara keseluruhannya, terdapat perbezaan yang signifikan terhadap penghayatan nilai murni berdasarkan faktor demografi jenis sekolah ($F = 6.48$; $p=0.00<0.05$). Manakala secara keseluruhannya dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar dari sekolah agama (Madrasah Aliyah) dan tinggal di asrama mengamalkan penghayatan nilai murni pada tahap paling tinggi (min= 3.74, s.p= .59), berbanding dengan pelajar disekolah lain. Selanjutnya tahap penghayatan nilai murni tinggi juga dimiliki pelajar dari sekolah agama (MA) tidak tinggal di asrama (min= 3.65, s.p= .55), diikuti SMA (Sekolah Menengah Atas) tak berasrama (min= 3.56, s.p= .50) dan SMA berasrama (min= 3.49, s.p= .53).

Walau bagaimanapun, hasil kajian ini mendapati pelajar sekolah menengah dari sekolah menengah agama berasrama memiliki penghayatan nilai murni pada tahap yang lebih tinggi berbanding pelajar dari sekolah menengah yang lain. Ini berkemungkinan kerana pelajar dari sekolah menengah agama berasrama lebih banyak didedahkan dengan nilai-

nilai murni dari pelajaran ilmu agama, seperti ilmu akhlaq dan tasawuf yang akan meningkatkan penghayatan nilai murni pelajar.

Dapatan kajian ini selari dengan kajian Mifdlol & Muthohar (2017) yang turut mendapati bahawa kehidupan para santri yang senantiasa melakukan ibadah yang melatih ketenangan jiwa dan melembutkan hati di sepanjang pengajian di pondok. Pendidikan ini telah membina penghayatan nilai-nilai murni pada diri santri sehingga mereka senantiasa memiliki kesehatan rohani dan jasmani, berperilaku santun, mandiri, bermasyarakat serta cinta tanah air (Ghufron, 2010). Sumardi, K. (2012), menambahkan bahwa pembinaan penghayatan nilai-nilai murni di pondok Pesantren salafiah tidak selalunya diajarkan di dalam bilik kelas, namun juga dilakukan secara intergral dan berkesinambungan di dalam dan di luar kelas. Salah satu faktor keberhasilan pendidikan nilai-nilai murni pada pelajar pondok salafiyah ialah teladan dan contoh nyata dalam kehidupan dan aktiviti pembelajaran. Semua elemen pendidikan, apa yang dilihat, didengar dan dirasakan dijadikan media belajar, sehingga nilai-nilai murni dapat melekat kuat pada diri setiap pelajar atau santri. Oleh itu, pendidikan nilai-nilai murni di dalam pondok salafiah dijalankan dengan *hidden curriculum*. Pendidikan nilai murni itu telah menjadikan santri memiliki nilai ketaqwaan, bekerja keras, ukhuwah islamiyah, cerdas dan mandiri. Penghayatan nilai-nilai murni itu dilakukan oleh santri semasa mereka belajar di pondok Sumardi, K. (2012).

Selain itu, kajian ini selari dengan kajian Iredho Fani Reza (2013) mendapati personaliti pelajar dari Madrasah Aliyah (MA) berasrama seperti pondok pasantren mempunyai aktiviti keagamaan yang memupuk pemahaman dan penghayatan nilai-nilai murni berazaskan islam lebih baik berbanding dengan pelajar di sekolah bukan agama. Dapatan

kajian ini mempunyai persamaan dengan dapatan kajian sebelumnya yang majoriti responden adalah daripada kalangan mereka yang aktif dengan aktiviti keagamaan di sekolah berlatarbelakangkan agama. Di mana didapati personaliti pelajar dari MA berasrama seperti pondok pasantren mempunyai aktiviti keagamaan, seperti shalat, puasa sunnah berjamaah, bergotong royong di pondok akan memupuk penghayatan nilai-nilai murni dalam kepribadian santri lebih tinggi berbanding pelajar dari sekolah yang tidak berasrama. Zarkasyi (2015), menambahkan pendidikan di Pondok Pesantren Gontor menanamkan penghayatan nilai murni dengan tetap menjaga nilai –nilai tradition dalam sistem pendidikan modren. Justeru nilai-nilai murni itu menjadi tolak ukur keberhasilan pendidikan di lingkungan Pondok. Pembinaan nilai-nilai murni dan akhlaq mulia dilakukan dengan tetap menjaga nilai-nilai pendidikan pasantren yang telah ada sebelumnya, seperti, keikhlasan, ukhuwah, berpikiran bebas, dan berbadan sehat. Manakala sistem dan kaedah pendidikan selalunya diperbarui dan berkembang mengikut perubahan teknologi dan informasi modren (Zarkasyi, 2015). Oleh karena itu pelajar di sekolah agama yang berasrama, seperti pondok pasantren akan cenderung untuk membangun rasa tanggungjawab terhadap diri dan hartanya. Bertanggungjawab merupakan salah satu nilai murni yang penting dalam kehidupan santri di dalam pondok. Kerana bertanggungjawab terhadap segala tindakan mampu membuat pelajar belajar untuk tidak mengulangi hal-hal yang memberikan kesan negatif bagi dirinya. Sikap tanggungjawab, kesedaran diri dan motivasi juga menjadi faktor kepatuhan pelajar terhadap peraturan sekolah (Desmita, 2011; Fiana, Daharnis dan Ridha, 2013; Pozzi *et.al*, 2014).

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Setiawan (2013) yang menyatakan bahawa sumber nilai-nilai murni di pasantren adalah *akhlakul karimah* yang merujuk kepada Imam Al-Ghazali. Menurut Al-Ghazali ialah akhlak suatu sifat yang tertanam dalam jiwa, yang mana dari sifat tersebut timbul perbuatan-perbuatan dengan mudah dan tidak memerlukan pertimbangan terlebih dahulu (Suti'ah, 2003). Hal ini kerana, salah satu media pembelajaran nilai-nilai murni di pondok pasantren adalah berdasarkan pengajian kitab kuning. Pada umumnya, pengajian yang menjadi latar belakang pengajaran di pasantren mengikuti pola tradisional, iaitu model sorongan dan model bandongan. Kedua-dua model ini merujuk kepada Kiai aktif dan santri pasif. Secara teknikalnya, model sorongan bersifat individual iaitu santri menghadap guru seorang demi seorang dengan membawa kitab yang akan dipelajari. Sedangkan model bandongan (*weton*) pula lebih bersifat pengajaran klasikal iaitu santri mengikuti pelajaran dengan duduk di sekeliling Kiai dan Kiai akan menerangkan pelajaran secara kuliah yang telah dijadualkan. Kiai berperanan sebagai pembaca dan penterjemah serta bukanlah sekadar membaca teks tetapi turut memberikan pandangan-pandangan (interpretasi) peribadi sama ada mengenai isi mahupun bahasa sesuatu topik pengajaran. Menurut Priyono (2006), menjelaskan bahawa dalam sesuatu pengajian para santri hendaklah mendapatkan pelbagai ilmu misalnya ilmu alat, fiqh dan tauhid dan akhlak.

Pengajian kitab kuning ini biasanya menjelaskan tentang kisah teladan misalnya dengan mengemukakan hikmah dari kisah tersebut. Sebagai contoh, dalam al-Quran terdapat kisah tentang Fir'aun dengan kesombongannya yang menghancurkan diri sendiri dan kisah Qorun, yang tamak kemudian mati tertimbun harta. Selain itu, pada zaman Nabi Muhammad SAW juga terdapat kisah tentang Sa'labah yang asalnya merupakan orang

miskin menjadi kaya tetapi perubahan status tersebut tidak membuatkan dia menjadi lebih bersyukur. Selain hikmah kisah yang jelas tertera dalam Al Quran, di pasantren juga banyak mengkaji kitab-kitab yang mengandungi pesanan akhlak yang agung seperti contoh kitab *Ihya' Ulumuddin*, *Irsyadul I'bad*, *Nasyoihul I'bad*, *akhlaqul lil banat*, *akhlaqul lil banin* dan sebagainya. Kekayaan khazanah Islam ini menjadi modal awal bagi santri untuk memahami nilai-nilai murni dan moral secara kognitif.

Seterusnya, di sekolah menengah agama berasrama khususnya pondok pasantren telah berlaku proses keteladanan (*modelling*), di mana santri senior menjadi contoh kepada santri junior dan secara keseluruhan santri harus menjadi contoh berdasarkan nilai-nilai pendidikan yang diterimanya dalam lingkungan tempat dia berada. Persekitaran seperti sekolah, asrama dan pondok pasantren selalunya mempunyai perwatakan atau personaliti kiai, guru dan *mentor* (pembina) yang mampu menjadi model positif untuk pembentukan perilaku positif bagi pelajar.

Di samping itu, di sekolah berasrama turut dilaksanakan kaedah kawalan sosial di mana dengan menegakkan aturan dan tatatertib yang telah disepakati. Setiap perlakuan yang salah, akan dikenakan hukuman atau dalam bahasa yang popular di pasantren adalah *ta'zir*. Secara umumnya, terdapat beberapa model hukuman (*ta'zir*) di pasantren seperti peringatan, kerja sosial, hukuman fizikal dan pemecatan daripada sesuatu kelompok. Bagi menegakkan aturan sekolah berasrama atau pondok pasantren selalunya terdapat konsistensi dan konsensus. Maksud konsistensi adalah aturan yang harus ditegakkan secara konsisten dari semasa ke semasa dengan prosedur yang adil. Manakala, konsensus pula merupakan keadaan di mana dalam menegakkan aturan harus disepakati dan

dilaksanakan bersama oleh seluruh penghuni terutamanya pengurus dan pembina (*mentor*) pasantren.

Pandangan kedua ialah pandangan *rehabilitationism*. Konsep rehabilitasi atau pemulihan berupaya mengajak pelaku pelanggaran kejahatan agar melakukan penambahbaikan diri melalui pendidikan, latihan dan menyesuaikan sikap yang akan mendidik kembali para pelaku kejahatan agar mempunyai modal dan motivasi menjadi anggota masyarakat yang berguna. Meskipun sama-sama utilitarian tetapi pandangan *rehabilitationist* ini lebih menekankan kepada perilaku kognitif, dengan mengajak pelaku pelanggaran menyadari bahawa perlakuannya harus diubah. Bidang Pembelajaran akhlaq dan Pendidikan Disiplin merupakan perbahasan yang banyak dikaji dalam pendidikan sebagai usaha untuk membentuk perilaku yang positif dalam diri setiap individu. Cara-cara yang biasa digunakan dalam melaksanakan Pendidikan Nilai Murni adalah menghukum anak dengan perkara yang ringan seperti ungkapan lisan yang menyakitkan hati sehingga mengenakan hukuman fizikal yang tidak sepadan dengan kesalahan yang dilakukan oleh anak-anak bukan sahaja menyebabkan luka fizikal tetapi juga luka di hati (Kumara, 2007).

Seterusnya, hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan antara tingkah laku prososial pelajar berdasarkan jenis sekolah ($t = 2.164 (649), p = .091$). Hal ini berbeza dengan dapatan kajian Zarkasyi (2015), menyatakan bahawa terdapat perbezaan tingkah laku prososial pelajar berdasarkan jenis sekolah, di mana beliau menyatakan apabila di sekolah agama berasrama (pondok pasantren) pelajar boleh meningkatkan rasa empati untuk menolong orang lain dengan kaedah '*role playing*'. Empati dalam kalangan pelajar sekolah agama berasrama (santri pondok pasantren) diasah melalui kepekaan santri terhadap perasaan orang lain. Kaedah '*role playing*' digunakan untuk memupuk rasa

empati santri ialah dilakukan dalam bentuk dongeng atau cerita yang didialogkan kepada santri mahupun mengajak santri secara langsung melihat mangsa atau pihak yang kurang bernasib baik seperti orang cacat mahupun anak-anak yatim. Bentuk '*empathetic role-playing*' menjadi sangat penting dalam mencuba untuk mengubah perilaku menyimpang. Jika seorang anak mencuri maka si anak diminta untuk membayangkan atau memainkan peranan dalam satu situasi di mana dia menjadi salah satu mangsa kecurian. Kaedah ini merupakan cara yang cepat untuk mengubah penilaian situasi benar-salah dalam perkembangan moral anak. Kaedah ini lebih efektif dalam jangka masa yang lama jika dibandingkan dengan hukuman. Hukuman mungkin dapat mengelakkan perilaku tertentu tetapi hukuman juga tidak menghasilkan perubahan pengetahuan dan pertimbangan moral.

Selanjutnya, asrama atau pasantren selalunya memiliki tata tertib tentang apa yang boleh dan yang tidak boleh dilakukan di pasantren. Tata tertib ini juga merupakan suatu proses Pembelajaran Moral yang diharapkan dapat menghasilkan santri yang diharapkan. Oleh itu, dalam pelaksanaannya pihak pengurus atau pembina (mentor) harus mensosialisasikan apa manfaat tata tertib tersebut kepada para santri dan dijalankan secara konsisten dari semasa ke semasa. Tugas sebagai pembina (mentor) di pasantren adalah sangat berat kerana harus menjalankan tiga fungsi utama iaitu sebagai pengganti ibu bapa, guru di sekolah dan anggota masyarakat yang bertanggungjawab ke atas moraliti bangsa dan negara.

Walau bagaimanapun, dapatan kajian Zarkashi (2015) bercanggah dengan kajian Fuadah (2011), yang menjelaskan bahawa pelajar yang tinggal bersama kedua ibu bapa menunjukkan tahap kenakalan yang rendah berbanding pelajar yang tinggal di asrama.

Hal ini kerana, pelajar yang tidak tinggal di asrama mendapat pengawasan, sokongan dan perhatian daripada keluarga khususnya ibu bapa sedangkan pelajar yang kenakalannya berada pada tahap tinggi tidak mendapatkan pengawasan, sokongan dan perhatian dari keluarga. Pengawasan, sokongan dan perhatian daripada ibu bapa merupakan salah satu cara mencegah pelajar untuk bertindak nakal atau melakukan pelanggaran (Fatimah, 2010). Begitu juga dengan kajian Anita Dwi Rahmawati (2015); Fiana, Daharnis & Ridha (2013) menyatakan bahawa ibu bapa yang tinggal jauh dari sekolah berasrama tidak kerap datang menjenguk santri (pelajar pondok) untuk memberikan perhatian dan sokongan kepada santri. Selain itu, keterbatasan komunikasi dalam lingkungan pondok pasantren membuatkan para santri tidak dapat berkomunikasi dengan lebih intensif dengan keluarga sehingga santri kurang menerima bimbingan dan arahan daripada keluarga untuk melewati masa sulit saat remaja.

Manakala, bagi santri yang tempat tinggalnya berdekatan dengan pondok pasantren akan sering mendapat perhatian dan sokongan daripada ibu bapa kerana ibu bapa dapat menjenguk santri sekerap mungkin sehingga santri dengan ibu bapa dapat berkomunikasi dengan lebih terbuka dan menjadikan santri seorang yang bertanggungjawab. Santri atau pelajar yang kurang dikunjungi oleh keluarga dan kurang komunikasi yang baik dengan ibu bapa akan menunjukkan ketidakpatuhan terhadap aturan di pondok dan mereka cenderung melakukan pelanggaran yang wujud daripada perilaku menentang disebabkan oleh kurangnya tanggungjawab dan pertimbangan moral yang kurang baik. Selain itu, pelajar yang melakukan pelanggaran ini memandang bahawa guru belum menegakkan aturan secara adil dan konsisten serta pengurus organisasi pelajar di sekolah belum mampu

untuk menjadi teladan atau contoh dalam mematuhi aturan yang ditetapkan (Kusumadewi, Hardjajani & Priyatama (2012) dan Brown, 2009).

Kajian Alfi Purnama Sari (1999) menyatakan bahawa pelajar sekolah agama (Madrasah) lebih memiliki tingkah laku prososial dibandingkan dengan pelajar sekolah menengah umum (SMU). Hal ini, disebabkan oleh pengamatan dalam Pendidikan Agama lebih banyak dan lebih menyeluruh di sekolah MA (Madrasah Aliyah). Namun, dapatan kajian ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan dalam pengamatan tingkah laku prososial pelajar di kedua-dua jenis sekolah.

Berdasarkan kajian Ahmed (2009), turut mendapati bahawa aktiviti sosial dan aktiviti keagamaan seharian dan persekitaran sekolah agama merupakan faktor yang mewarnai fikiran dan tingkah laku prososial remaja. Pelajar yang bersekolah agama didapati lebih bertingkah laku prososial jika dibandingkan dengan pelajar di sekolah umum (Chang, 2010; Isnaini, 2013; Mohd Zailani, 2012; Nuryani & Hakam, 2013; Ortega & Krauss, 2013). Begitu juga aktiviti sosial dalam kumpulan sama ada di sekolah mahu pun di luar sekolah menjadi salah satu inspirasi bagi pelajar untuk bertingkah laku prososial (Harun, 2015; Zarkasyi, Lahuri, Umam, & Cahyo, 2016). Perilaku saling menolong dan bekerjasama menjadi kebiasaan yang dilakukan di antara pelajar dalam kumpulan aktiviti kerohanian dan kumpulan sukan (Ani Nuryani, 2013).

Walau bagaimanapun, dapatan kajian tersebut bercanggah dengan kajian Harefa dan Indrawati (2014) menyatakan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan tingkah laku prososial antara pelajar sekolah menengah umum (SMU) dan Madrasah Aliyah (MA). Sekolah bukanlah satu-satunya faktor yang mempengaruhi tingkah laku prososial

pelajar malahan terdapat juga pelbagai faktor lain seperti lingkungan keluarga, rakan sebaya dan masyarakat pada kedua-dua sekolah relatif dalam kategori yang serupa. Dapatan kajian tersebut menyokong dapatan yang diperolehi oleh penyelidik secara tidak langsung.

Menurut aspek psikologi, faktor keluarga juga jelas menunjukkan bahawa pendidikan ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam pembentukan sahsiah dan tingkah laku prososial anak-anak kerana ibu bapa merupakan '*role model*' yang terdekat dan paling hampir dengan anak-anak (Mesurado et al., 2014). Peranan pendidikan keluarga membantu menyemai norma-norma sosial yang disepakati. Hal ini kerana, peranan ibu bapa yang berpendidikan dan taat akan menggalakkan nilai-nilai murni, moral dan tingkah laku prososial pada anak-anak mereka (Brody et al., 1994; Shen et al., 2013).

5.2.3 Hubungan antara *Religiositi*, Penaakulan Moral, Penghayatan Nilai Murni dan Tingkah Laku Prosocial

Perbincangan yang ketiga ialah berkaitan objektif kajian yang ketiga iaitu untuk mengenal pasti hubungan antara *religiositi*, penaakulan moral, penghayatan nilai murni dan tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah di Banda Aceh.

5.2.3.1 Hubungan antara *Religiositi* dengan Penaakulan Moral Pelajar Sekolah Menengah di Banda Aceh

Kepentingan amalan *religiositi* yang mempunyai perkaitan dengan penaakulan moral pelajar sekolah menengah telah dibuktikan oleh hasil dapatan kajian ini. Amalan *religiositi* secara umum memiliki hubungan yang negatif dengan penaakulan moral pelajar sekolah menengah, hanya pada dimensi ibadah yang berhubungan secara positif dengan penaakulan moral. Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan antara *religiositi* dengan penaakulan moral pelajar sekolah menengah di Aceh. Hal ini, menyamai dapatan kajian oleh Azizah (1995), Glover (1997), Sapp dan Gladding (1989), Ernsberger dan Manaster (1981), Brown dan Annis (1978).

Dapatan kajian Ernsberger dan Manaster (1981) menunjukkan hubungan yang signifikan antara *religiositi* dan penaakulan moral. Kajian yang dilakukan terhadap 169 ahli gereja dewasa, mendapati bahawa ahli-ahli gereja konservatif lebih memilih peringkat keempat di dalam tahap (konvensional) pertimbangan moral. Sementara itu, ketua gereja konservatif menunjukkan pemilihan yang lebih kuat (pasca konvensional). Manakala, ahli dan pemimpin gereja liberal pula lebih memilih tahap pasca konvensional. Hasil dapatan ini membuktikan bahawa terdapat hubungan antara faktor orientasi *religiositi* dengan pertimbangan moral seseorang di dalam sesebuah agama.

Selari dengan kajian Brown dan Annis (1978), mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara skor P dalam pertimbangan moral yang tinggi dengan orientasi

religiositi. Pelajar yang memiliki skor pertimbangan moral yang tinggi cenderung memiliki internal orientasi dalam aktiviti *religiositi* yang dilakukannya.

Dapatan kajian ini menyokong dapatan kajian Sapp dan Gladding (1989), yang dilakukan ke atas 64 pelajar siswazah bidang pendidikan di Universiti Southesten di Amerika. Hasil dapatan kajian ini menjelaskan bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan di antara skor P pertimbangan moral dengan orientasi *religiositi*. Dapatan ini menunjukkan bahawa seseorang yang melihat *religiositi* mereka sebagai satu dialog terbuka berhubung dengan isu *religiositi* adalah lebih cenderung kepada pemikiran pasca konvensional. Namun, seseorang yang melihat *religiositi* mereka secara intrinsik adalah kurang cenderung kepada pemikiran pasca konvensional.

Manakala kajian Glover (1997), juga mendapati bahawa orientasi *religiositi* dengan pertimbangan moral adalah signifikan dengan menunjukkan skor P di dalam pertimbangan moral yang tinggi. Beliau telah membuat satu kesimpulan bahawa seseorang yang mempunyai kekuatan agama di dalam diri mereka mempunyai skor P pertimbangan moral yang tinggi iaitu tahap pasca konvensional. Begitu juga dengan kajian Azizah (1995) mendapati bahawa bentuk pemikiran moral dalam kalangan pelajar Islam adalah berdasarkan ketauhidan kepada Allah. Beliau menjelaskan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara agama dengan tahap moral pelajar dalam menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan isu-isu moral.

Namun demikian, pendidikan agama sama ada secara langsung mahupun tidak langsung dapat menjadikan pelajar lebih dapat berfikir secara rasional dan shaleh menuntun pelajar untuk mengambil keputusan yang baik dan benar dalam penaaakulan moral mereka. Seperti dalam konteks membantu orang lain, manakala dalam situasi di mana keperluan remaja

bertentangan dengan keperluan membantu orang lain, remaja sering berhadapan dengan keputusan yang teruk dan membimbangkan, kerana tidak terdapat panduan yang jelas untuk menentukan tindakan yang harus diambil. Oleh itu, nilai agama sebagai keupayaan untuk membuat alasan dan memahami keperluan orang lain dapat mempengaruhi tindakan tingkah laku prososial yang dilakukan pelajar Muslim dalam keadaan bimbang terhadap keputusan yang harus diambil (Maliki, Embong, Abdullah, Sultan, & Abidin, 2015).

5.2.3.2 Hubungan antara *Religiositi* dengan Penghayatan Nilai Murni Pelajar Sekolah Menengah di Banda Aceh

Kepentingan amalan *religiositi* yang mempunyai perkaitan dengan penghayatan nilai murni pelajar sekolah menengah telah dibuktikan oleh hasil dapatan kajian ini. Amalan *religiositi* secara keseluruhan memiliki hubungan yang positif dengan penghayatan nilai murni pelajar sekolah menengah. Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan antara *religiositi* dengan penghayatan nilai murni pelajar sekolah menengah di Aceh. Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian lepas (Isnaini, 2013; Khusniati, 2012; Novita, Hastuti, & Herawati, 2014; Rahman & Permadi, 2013; Sabar Budi Raharjo, 2010; Sauri, 2013, 2016; Setiawan, 2013; Syaiful Anwar, 2016).

Dapatan kajian Isnaini, M. (2013) menunjukkan bahwa kurikulum mata pelajaran agama dapat membina penghayatan nilai murni pelajar. Kurikulum pendidikan agama itu meliputi mata pelajaran akidah, akhlak, fiqh, sejarah kebudayaan Islam, dan al-Qur'an. Implementasi kurikulum pendidikan agama ini telah membina nilai murni pelajar seperti keteladanan untuk berperilaku dan bertutur kata sopan, berdisiplin, sentiasa solat zuhur

berjamaah, suka menginfakkan harta setiap hari jumaat dan sebagainya. Hal ini, selari dengan dapatan kajian oleh Setiawan, (2013) yang menyatakan bahawa amalan *religiositi* yang baik dapat mempengaruhi penghayatan nilai murni secara bertahapan. Menurut beliau terdapat enam dimensi penghayatan nilai murni pelajar yang dipengaruhi oleh pendidikan agama iaitu menghargai orang lain, mandiri atau berdikari, disiplin, sopan santun, berani dan patriosme. (Setiawan, 2013).

Selari dengan pendapat Sauri (2016), bahawa masalah remaja di zaman globalisasi ialah jauhnya mereka dari akhlakul karimah dan penghayatan nilai murni berasaskan agama Islam. Hal ini kerana, para remaja Muslim dalam masa pembangunan fizikal mahupun mental banyak mengalami kebimbangan fikiran dan jiwa yang sering menyebabkan mereka mengalami kepincangan dalam hidup. Oleh itu, agama Islam memberikan perhatian yang menyeluruh kepada usaha pembentukan mental remaja kerana generasi muda hari ini adalah merupakan pemimpin pada masa hadapan. Golongan remaja diharapkan supaya menjadi pemuda Muslim yang istiqamah (baik perilakunya) dan beriman (kepada Allah Ta'ala) dalam erti yang sebenar ialah meyakini agama Islam, mencintai, merasa cukup dan bangga dengannya. Rasulullah SAW wajar dijadikan sebagai model peranan dalam tingkah laku kerana baginda banyak memberikan manfaat dan kebaikan kepada diri dan masyarakat.

Manakala, Syaiful Anwar (2016) menjelaskan bahawa Pendidikan Agama Islam memiliki peranan strategik untuk mengawal dan merawat nilai-nilai kebangsaan sebagai identiti dan nilai-nilai luhur kepada masyarakat khususnya golongan pelajar. Peranan umat Islam Indonesia sejak sebelum kemerdekaan adalah mewujudkan tahap kecintaan pada negara

dan bangsa. Hal ini, menunjukkan nilai luhur kebangsaan bagi umat Islam Indonesia sesungguhnya merupakan sisi lain selain daripada nilai-nilai luhur ajaran Islam misalnya semangat optimistik, cintakan kedamaian, toleransi, saling menghargai dan tolong menolong. Oleh itu, nilai-nilai murni kebangsaan merupakan akhlak terhadap sesama manusia dan negara berasaskan ajaran Islam. Selari dengan dapatan kajian Abd. Halim Tamuri (2000) mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara pengajaran nilai-nilai murni dengan beberapa mata pelajaran dengan pengetahuan agama dibidang akhlak. Dapatan kajian beliau menunjukkan kekerapan yang tinggi terhadap pengajaran Pendidikan Islam juga dapat meningkatkan tahap pengetahuan dan penghayatan nilai-nilai murni pelajar. Hal ini bermakna, amalan penerapan pendidikan agama dengan nilai murni dalam pengajaran guru telah membantu memberikan pengetahuan tentang aspek akhlak terpuji yang semestinya menjadi amalan kepada pelajar Muslim.

Di samping itu, kajian oleh Ani Nuryani dan Kama Abdul Hakam (2013) di Negeri Lembang Kabupaten, Bandung Barat dengan menggunakan kaedah kajian kualitatif deskriptif mendapati bahawa pelajar yang aktif mengikuti aktiviti keagamaan (Kokurikulum Rohani) mempunyai tahap penghayatan nilai murni yang baik dan bertingkah laku prososial. Pelajar yang kerap mengikuti kokurikulum rohani seperti halaqah, perbincangan, kem agama, hafazan al-Quran dan sebagainya akan menjadi pelajar yang memiliki akhlak yang terpuji misalnya pertama (1) ketaatan dalam melaksanakan ibadah seperti solat wajib lima waktu, puasa sunat, solat dhuha dan lain-lain, kedua (2) menutup aurat bagi pelajar perempuan terutamanya, ketiga (3) berdisiplin iaitu datang tepat waktunya ke sekolah, semasa menghadiri halaqah dan sebagainya. Keempat (4) pula ialah berani mengemukakan pendapat, kelima (5) berani berkata benar,

keenam (6) pula adalah menghargai orang lain sama ada kelompok sendiri atau berbeza kelompok dengan layanan yang mesra dan yang terakhir iaitu ketujuh (7) ialah mempunyai rasa tanggungjawab yang tinggi. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kegiatan agama seperti kokurikulum rohani dapat membina penghayatan nilai murni dan tingkah laku prososial dalam diri pelajar (Ani Nuryani & Kama Abdul Hakam, 2013). Intergrasi nilai ajaran Islam dalam mata pelajaran akan mewujudkan nilai-nilai murni yang dihayati oleh semua pelajar sehingga ia menjadi akhlak mulia bersesuaian dengan syariat Islam (Rianawati, 2017).

Menurut Ani Nur Aieni (2014), para sarjana Muslim bersepakat merumuskan bahawa tujuan pendidikan Islam itu bermula pada akhlak mulia. Oleh itu, hubungan pendidikan ajaran agama islam dengan penghayatan nilai murni sangat kerap. Setiap pelajar Muslim penting mendapatkan pendidikan nilai-nilai ajaran islami sejak dari awal lagi mengingatkan pelajar untuk menjadi individu yang memiliki penghayatan nilai murni yang bersikap bertanggungjawab, sopan santun, kemandirian sesuai dengan tahap perkembangan moral mereka. Pendidikan nilai murni dalam Islam berlandaskan kepada al-Quran dan Hadis, dalam operasionalnya dapat menggunakan kaedah TADZKIROH (*Teladan, Arahkan, Dorongan, Zakiyah, Kontinuiti, Ingatkan, Repitition, Organisasikan, Heart*). Kaedah ini diperkenalkan oleh Majid & Andayani (2012).

Makna tadzkiroh dalam kaedah ini adalah singkatan daripada *Teladan, Arahkan, Dorongan, Zakiyah, Kontinuiti, Ingatkan, Repitition, Organisasikan* dan *Heart* iaitu suatu kaedah pembelajaran dalam pendidikan Islam yang digunakan untuk membina *akhlakul karimah*. Kaedah TADZKIROH terdiri dari lapan tahap iaitu pertama, *tadzkiroh* yang

bermaksud *tunjukkan teladan para guru kepada pelajar*. Hal ini, menuntut para guru supaya wajib untuk menjadi suri teladan di sekolah kepada para pelajar. Kedua, *arahkan* (bimbingan). Berdasarkan pada tahap perkembangan, pelajar sudah mula mengenali baik-buruk, benar-salah, yang diperintahkan dan yang dilarang, maka dalam hal ini anak harus diberikan arahan atau bimbingan untuk mencapai baik, benar dan yang diperintahkan itu supaya anak tidak salah memilih dan salah menentukan tingkah lakunya.

Selanjutnya tahap ketiga iaitu *dorongan* (motivasi). Pemberian motivasi oleh para guru sangat penting dilakukan dalam rangka membangkitkan semangat dan menumbuhkan rasa percaya diri pelajar. Manakala, tahap keempat ialah *zakiyah* (Bersih-Murni), di mana para guru mesti memiliki hati yang bersih (*ikhlas*) dalam memberikan bimbingan dan arahan kepada pelajar. Segala sesuatu jika berangkat dari hati yang ikhlas tidak akan terasa berat. Keikhlasan bukan hanya ada pada guru tetapi juga pada diri pelajar. Kelima, *kontinuiti* (Proses Pembiasaan), di mana pada tahap ini ia menggunakan kaedah pembiasaan. Seterusnya, tahap keenam pula ialah *ingatkan*. Selanjutnya, para guru juga mengingatkan kepada pelajar bahawa senantiasanya berada dalam pengawasan Allah (*muraqobatullah*), dampaknya para pelajar akan senantiasanya menjaga sikap dan tingkah laku daripada perbuatan yang tercela. Ketujuh ialah *Repetisi dan Refleksi* (Pengulangan). Tahap kelapan adalah *Organisasi*, di mana guru dituntut supaya memiliki kemampuan untuk mengorganisasikan pengetahuan dan pengalaman yang diperolehi pelajar di luar sekolah dengan yang diperolehi di sekolah melalui proses belajar. Manakala, tahap kesembilan, *Heart* (hati). Pendidikan nilai murni itu termasuk dalam pendidikan domain afektif, maka yang harus diolah ialah rasa, hati dan perasaan pelajar. Proses pendidikan kepada pelajar dilakukan dengan menyentuh sisi yang paling sensitif iaitu qalbu atau hati. Oleh itu, ketika

menyentuh sisi ini harus dilakukan dengan qalbu iaitu proses pendidikan oleh hati untuk hati.

5.2.3.3 Hubungan antara *Religiositi* dengan Tingkah Laku Prososial Pelajar Sekolah Menengah di Banda Aceh

Kepentingan amalan *religiositi* yang mempunyai perkaitan dengan tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah telah dibuktikan oleh hasil dapatan kajian ini. Amalan *religiositi* secara langsung meningkatkan tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah pada dimensi tanpa nama. Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan antara *religiositi* dengan tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah di Aceh. Dapatan kajian ini, selari dengan kajian lepas (Harefa dan Indrawati, 2014; Nuryani dan Hakam, 2013; Isnaini 2013; Harun, 2015; Quain *et al.*, 2016; Perwitasari, 2007 dan Gufron (2010). Melalui pembinaan aqidah dan akhlak dari dimensi *religiositi* ini ianya secara langsung dapat memartabatkan rasa kasih sayang dan saling membantu di antara sesama manusia dengan berkongsi kesejahteraan kepada keluarga, masyarakat, negara dan bangsa dalam tingkah laku prososial pelajar (Isnaini, 2013).

Perbincangan berkaitan dengan pembinaan tingkah laku prososial ini ia bukanlah semudah yang diperkatakan kerana terdapat pelbagai faktor yang perlu diambil kira dan pelbagai cabaran yang perlu ditempuhi (Carlo *et al.*, 2013). Secara langsung, ia memerlukan kaedah pembinaan dan pendidikan yang menyeluruh dan pendekatan yang bersepadu untuk merealisasikan impian tersebut sama ada di sekolah agama atau sekolah umum (Harefa dan Indrawati, 2014; Nuryani dan Hakam, 2013). Ahmed (2009) menyatakan bahawa amalan *religiositi* merupakan salah satu aspek yang dapat membantu

tingkah laku prososial pelajar dengan memupuk keikhlasan menolong orang lain tanpa mengira kaum, agama dan budaya. Hal ini juga disokong dan ditegaskan oleh Sauri (2013), yang menjelaskan bahawa jika pendekatan akhlak *religiositi* Rasulullah SAW dapat dilaksanakan dengan betul maka pelajar akan dapat bertingkah laku prososial dengan saling menolong, menyayangi, menghormati dan saling berkongsi di antara mereka. Di samping itu, telah terbukti bahawa amalan *religiositi* yang dipupuk di sekolah agama dapat memberi kesan kepada tingkah laku prososial dan mengikis tingkah laku negatif dalam kalangan pelajar (Alamsyah, 2009).

Oleh itu, menurut Nashori (2018) menyatakan bahawa faktor agama adalah salah satu faktor penting untuk membangun tingkah laku prososial remaja. *Religiositi* merupakan komponen utama dalam pembentukan identiti remaja (Stavrova & Siegers, 2013; Lee, Yim, Curry & Rodriguez, 2012). Berns (2006), menyokong kenyataan ini dengan mengatakan bahawa agama membantu individu membentuk identiti dan memberi makna bagi kehidupan. Hal ini kerana, berdasarkan agama dapat memberikan individu suatu komitmen dan pegangan yang kuat terhadap norma tradisi serta nilai moral dan kestabilan tingkah laku. Dengan kata lain, individu yang kuat beragama lebih mematuhi dan bertingkah laku yang bersesuaian dengan norma dalam masyarakat. Menurutnya, mereka mempercayai bahawa norma tersebut adalah perintah Tuhan yang mana apabila dipatuhi dan berbuat baik sesama manusia maka Tuhan akan membalas dengan syurga.

Namun, dapatan kajian ini bercanggah dengan kajian Logowska, J. & Saroglou, V. (2011), yang mana menurut mereka penghayatan agama yang salah dapat menjadikan penganutnya bersikap fundamentalis, tidak toleransi, jauh daripada tingkah laku prososial, tidak menghargai dan membantu sesama umat manusia. Mereka cenderung

mendefinisikan membantu orang lain hanya terhad kepada kaum, umat dan kepercayaan yang sama bukan untuk agama yang berbeza. Bagi kebanyakan orang, *religiositi* yang fundamentalis akan mudah berprasangka dan sangat keras terhadap kumpulan di luar mereka (*outgroup*) atau kumpulan lain. Hal ini, menyebabkan pelajar yang fundamentalis sering dikaitkan dengan kekerasan atau hanya segolongan sahaja yang memberikan pertolongan apabila berada dalam kumpulannya atau bertingkah laku prososial yang terbatas (Galen, *et al.*, 2011; Gribbins, T. & Vandenberg, 2011). Justeru, ajaran agama yang difahami dan dihayati dengan salah akan melahirkan sikap radikalisme dan tidak toleransi (*intoleransi*) dalam melihat perbezaan dan kepelbagaian agama, mazhab dan perkauman (Irwan Masduqi, 2013 dan Safrilsyah, 2016).

Namun demikian, pendidikan agama sama ada secara langsung mahupun tidak langsung dapat menjadikan pelajar lebih prososial. Menurut Vaidyanathan, B. & Snell, P. (2011), pelajar yang lebih kerap mendapat nasihat-nasihat agama dan nilai-nilai luhur dalam agama telah terinternalisasi dalam diri pelajar, maka mereka menjadi individu yang suka terlibat dalam kerja-kerja sosial membantu orang lain. Begitu juga sebaliknya pelajar yang belajar di sekolah sekular menjadi kurang prososial dibandingkan dengan pelajar agama kerana mereka kerap mendapat pelajaran dengan budaya masyarakat sekular seperti mempelajari kaedah masyarakat dengan gaya hidup ekonomi kapitalisme sehingga internalisasi teori ekonomi tersebut dapat menjadikan mereka individu yang egois (Ahmed 2008). Sementara pelajar yang menghayati agama dengan benar akan dapat membantu dirinya membangunkan keharmonian sosial dan keseimbangan dalam hal ehwal peribadi, keluarga, masyarakat dan spektrum yang lebih luas dalam hubungan horizontal dengan sesama manusia dan hubungan vertikal dengan Tuhannya.

5.2.3.4 Hubungan antara Penaakulan Moral dengan Tingkah Laku Prososial Pelajar Sekolah Menengah Di Banda Aceh

Hubungan penaakulan moral dengan tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah di Banda Aceh telah dibuktikan oleh hasil dapatan kajian ini. Penaakulan moral secara langsung dapat meningkatkan tahap tingkah laku prososial pelajar. Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan antara penaakulan moral dengan tingkah laku prososial. Dapatan ini selari dengan kajian lepas (Kohlberg, 1981; Brook *et al.*, 2013; Blasi, 1980; Derryberry & Thoma, 2005; Thoma, 1994). Menurut Brook *et al.*, (2013), terdapat hubungan lemah dan signifikan di antara penaakulan moral dan tingkah laku prososial. Individu mampu melakukan tingkah laku prososial dalam pelbagai keadaan adalah kerana individu yang dianggap paling bermoral. Oleh kerana itu, perkembangan penakulan moral dianggap penting untuk mencegah kenakalan dan perilaku antisosial. Penaakulan moral pelajar berhubungan dengan perilaku antisosial yang lebih rendah pada pelajar sekolah menengah (Gibbs, Potter & Goldstein, 1995). Walau bagaimanapun, moral dianggap penting bagi tindakan moral atau tingkah laku prososial (Kohlberg, 1981; 1984). Namun, meskipun terdapat bukti kukuh yang menunjukkan bahawa terdapat hubungan signifikan antara penaakulan moral dan perilaku tetapi hubungan tersebut adalah hubungan yang lemah (Derryberry & Thoma, 2005; Thoma, 1994). Hal ini kerana, setiap individu seringkali tidak mengambil tindakan yang bersesuaian dengan pilihan moral mereka (Blasi, 1980), bahkan sebahagian individu tidak lagi mempertimbangkan kerugian ke atas orang lain walaupun mereka mengetahui tindakan tersebut bertentangan dengan moral yang diyakini (Frimer & Walker, 2008).

Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini menyokong pendapat Roger Staughan (1982), bahawa terdapat satu perhubungan antara pertimbangan moral (*moral judgement*) dan tingkah laku moral. Menurut beliau kemoralan mesti berkait dengan bagaimana seseorang itu sebenarnya bertingkah laku serta bagaimana dia berfikir. Tanpa pertimbangan rasional dan bebas maka tingkah laku tersebut tidak bermakna sebagai tindakan bermoral jika tingkah laku itu hanya merupakan pengakuran dan ketaatan membabi buta terhadap autoriti yang berlaku di persekitarannya. Begitu juga sebaliknya, taakulan moral tanpa diekori dengan tindakan sewajarnya hanya akan dianggap sebagai '*cakap kosong*' sahaja. Bahkan seseorang itu boleh berfikir dan menjadi orang yang tidak berperilaku prososial dan tidak bermoral seperti yang dilakukan oleh bangsa Jerman yang bertamadun semasa berlakunya Perang Dunia Pertama dan Perang Dunia Kedua. Orang seperti ini adalah orang yang berada pada kelemahan moral iaitu tidak melakukan apa yang sepatutnya dilakukannya (Roger Straughan, 1982; M. Black, 1972).

Menurut Hardy dan Carlo (2005), pelajar yang memiliki identiti moral atau etika mengutamakan komitmen moral dan berkewajipan untuk hidup konsisten dengan masalah moral masing-masing. Apabila konsep diri ditadbir oleh kebajikan moral ia mempengaruhi tingkah laku dalam kehidupan sehariannya. Mereka memiliki standard moral sebagai sebahagian daripada diri sendiri sehingga cenderung melakukan tingkah laku prososial sesuai dengan moral yang dianutnya. Bahkan dalam keadaan kecemasan memerlukan seseorang untuk mengorbankan masa, harta dan nyawa sekalipun mereka akan melakukan komitmen yang dihayatinya (Paciello, Fida, Tramontano, Lupinetti, & Caprara, 2008). Sebaliknya, orang-orang yang melakukan perilaku antisosial mungkin tidak mengutamakan tujuan moral sebagai intipati konsep diri mereka dan kesannya

mereka lebih bersedia untuk melakukan tindakan yang tidak baik dan berbahaya terhadap orang lain terutama orang asing atau anggota kelompok luar yang bukan dari kumpulannya. Semakin tinggi penaakulan moral yang dimiliki maka semakin rendah tingkah laku antisosial yang dilakukan (Reed dan Aquino, 2003). Selain itu, kajian ini selari dengan kajian lepas yang menunjukkan bahawa penaakulan moral mempunyai hubungan yang positif dengan perilaku prososial (Miller, Eisenberg, Fabes & Shell, 1996), dan negatif terkait dengan antisosial dan perilaku menyimpang lainnya (Palmer & Hollin, 2001; Wyatt & Carlo, 2002).

Namun demikian, dapatan kajian ini bercanggah dengan kajian (Eisenberg *et al.*, 1995), yang menjelaskan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penaakulan moral dan tingkah laku prososial. Individu sering mengalami transformasi perkembangan penaakulan moral sesuai dengan masanya. Kanak-kanak cenderung menggunakan hedonistik dan keperluan berorientasi prososial pemikiran. Ketika kanak-kanak mencapai usia sekolah rendah, alasan yang diberikan mulai mencerminkan kepedulian untuk persetujuan dengan rakan sebaya lainnya dan hubungan interpersonal serta mereka telah menetapkan cara stereotaip baik atau buruk yang mereka miliki bersama rakan sebaya. Selain itu, jarang terdapat hubungan positif di antara penaakulan moral yang dimiliki pelajar dengan tingkah laku prososial yang dilakukan seperti meniru semasa peperiksaan di sekolah, buli dan melakukan salah laku seks di antara mereka (Khafri Hidayat, 2013; Jahya, 2007).

5.2.3.5 Hubungan antara Penghayatan Nilai Murni dengan Tingkah Laku Prososial Pelajar Sekolah Menengah Di Banda Aceh.

Kepentingan amalan penghayatan nilai murni yang mempunyai perkaitan dengan tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah telah dibuktikan oleh hasil dapatan kajian ini. Bahkan keenam-enam dimensi penghayatan nilai murni berkaitan secara signifikan dan positif dengan tingkah laku prososial. Manakala penghayatan nilai murni secara langsung meningkatkan tingkah laku prososial pelajar. Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan signifikan dan positif antara penghayatan nilai murni dengan tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah di Aceh. Dapatan kajian ini, menyamai dapatan kajian lepas (Akhwan, 2011; Ghufroon, 2010; Isnaini, 2013; Kemdiknas, 2010; Sauri, 2016; Sumardi, 2012; Thoifah, 2016; Wening, 2012; Winarni, 2013; Zarkasyi, 2015; Zuchdi *et al.*, 2010).

Melalui pendidikan akhlaq dan tasawuf pembinaan penghayatan nilai murni dilakukan di sekolah agama. Penghayatan nilai murni menjadi salah satu faktor mempengaruhi pembangunan tingkah laku prososial pelajar Muslim. Oleh kerana itu, pelajar dengan penghayatan nilai murni yang baik akan mewujudkan tingkah laku prososial yang baik. Mereka sentiasa melaksanakan kewajipan dan menjauhi semua larangan sesuai dengan ajaran nilai murni yang terdapat ajaran Islam (Sauri, 2016).

Menurut Anis Matta (2006), hubungan penghayatan nilai murni dengan tingkah laku prososial atau akhlak mulai sangat kuat. Kerana akhlak mulia dalam islam adalah tingkah laku mulia dari penghayatan nilai murni yang telah menjadi sikap mental yang berakar dalam jiwa individu. Penghayatan nilai murni yang kokoh terbentuk menjadi tindakan dan

tingkah laku positif yang bersifat tetap dan natural. Penghayatan nilai murni yang ada pada individu dapat menjadikan seseorang bertingkah laku positif dalam kehidupan seharian. Selanjutnya, Nurcholis Majid (2000), menegaskan bahawa dalam konteks Pendidikan Islam, nilai murni yang ditanamkan pada anak harus berlandaskan pada dua dimensi kehidupan manusia iaitu dimensi ketuhanan dan dimensi kemanusiaan. Kedua dimensi ini perlu ditanamkan ke dalam diri seorang anak agar anak memiliki rasa ketakwaan kepada Allah SWT dan rasa kemanusiaan terhadap sesama manusia dalam bentuk tingkah laku prososial sehingga wujud dalam dirinya *hablumminallah* dan *hablumminannas* yang terpelihara dan terjaga. Oleh itu hubungan penghayatan nilai murni dengan tingkah laku prososial berhubungan signifikan dan positif. Semakin tinggi penghayatan nilai murni seseorang semakin tinggi tingkah laku yang mungkin ia perbuat.

Dapatan kajian ini turut memperkukuhkan bahawa dengan penghayatan nilai murni, akan menjadikan individu yang bertingkah laku prososial dalam menjalani hidupnya dengan masyarakat sekitarnya. Walau bagaimanapun, menurut Sauri (2016), aktualisasi nilai-nilai Islam dalam proses pendidikan perlu dipandang sebagai suatu persoalan yang penting dalam usaha penanaman ideologi Islam menjadi tingkah laku positif yang nyata dalam kehidupan pelajar sehingga dapat mewujudkan penghayatan nilai murni yang baik akan dapat mewujudkan amalan tingkah laku prososial yang tinggi pula.

Dapatan kajian ini selari dengan pendapat Abd. Rahim (2001), menurutnya perhatian terhadap penghayatan nilai murni menjadi penting dalam pembangunan pelajar yang bertingkah laku positif, kerana pengetahuan dan kefahaman nilai yang tumbuh dengan baik dapat melahirkan pelajar yang bertindak dengan waras dan bijaksana dalam menangani masalah yang dihadapi serta dapat membentuk sikap dan tingkah laku pelajar yang baik juga bertingkah

laku prososial bagi orang lain disekelilingnya. Justeru, tujuan utama pendidikan islam adalah pembangunan akhlak mulia. Mengikut nilai-nilai murni Islam di sekolah diharapkan dapat membentuk keperibadian pelajar. Dengan kata lain pendidikan akhlak bukan hanya bersifat formal dalam ucapan dan teori belaka akan tetapi sehingga ke tingkat pelaksanaan dalam kehidupan untuk membentuk tingkah laku prososial (Dharmaji, 2015). Selanjutnya pembiasaan dalam pembentukan nilai-nilai mulia merupakan tahapan penting yang mesti menyertai perkembangan siswa disetiap mata peserta didikan. Mengajari nilai-nilai karakter mulia tanpa diikuti dengan pembiasaan melakukannya, seperti menabur benih ke tengah lautan, ia akan hilang tak berguna, karena nilai karakter mulia bukan sekedar pengetahuan, tetapi dihayati dan di jadikan kebiasaan dalam tingkah laku siswa dalam kehidupan keseharian (Wening, 2012). Sumardi (2012) dalam penyelidikan di pondok salafiyah juga di gunakan metode keteladanan dalam pembentukn nilai-nilai mulai kepada santrinya. Salah satu faktor keberhasilan pendidikan nilai-nilai karakter mulia pada siswa pondok salafiyah ialah teladan (*qudwah*) dan contoh nyata dalam kehidupan dan kegiatan pembelajaran di pondok. Oleh sebab itu, pendidikan nilai-nilai mulia itu telah menjadikan santri memiliki nilai ketaqwaan, bekerja keras, ukhuwah islamiyah, cerdas dan percaya diri. Selanjutnya nilai-nilai karakter mulia itu melahirkan santri yang bertingkah laku prososial seperti, suka menolong, saling menghargai, saling menghormati dan bekerjasama (Sumardi, 2012).

5.2.4 Pengaruh *Religiositi*, Penaakulan Moral dan Penghayatan Nilai Murni terhadap Tingkah Laku Prosocial Pelajar, Pengaruh daripada Setiap Dimensi Pemboleh Ubah Utama (*Religiositi*, Penaakulan Moral dan penghayatan nilai murni) dan Pemboleh Ubah Utama Demografi (Jantina, Tempat Tinggal dan Jenis Sekolah) terhadap Tingkah Laku Prosocial Pelajar

Perbincangan yang keempat ialah berkaitan objektif kajian yang keempat iaitu untuk mengenal pasti pengaruh *religiositi* terhadap penaakulan moral, penghayatan nilai murni dan tingkah laku prososial pelajar, pengaruh penaakulan moral dan penghayatan nilai murni terhadap tingkah laku prososial pelajar, pengaruh daripada setiap dimensi pemboleh ubah utama (*religiositi*, penaakulan moral) dan pemboleh ubah utama demografi iaitu jantina, tempat tinggal dan jenis sekolah) terhadap tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah di Banda Aceh.

5.2.4.1 Pengaruh *Religiositi* terhadap Tingkah Laku Prosocial Pelajar

Hasil kajian mendapati bahawa *religiositi* memberi pengaruh yang signifikan terhadap tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah di Banda Aceh. Gabungan keseluruhan dimensi *religiositi* memberi sumbangan pengaruh kepada tingkah laku prososial sebanyak 36.7 peratus perubahan varians terhadap tingkah laku prososial. Dapatan ini membawa maksud bahawa tingkah laku prososial dipengaruhi oleh *religiositi* pelajar sebanyak 36.7 peratus atau terdapat 63.3 peratus dipengaruhi oleh faktor lain seperti penaakulan moral, nilai murni, rakan sebaya dan sebagainya. Manakala, jika dilihat pengaruh setiap dimensi didapati dimensi ibadah memberi sumbangan paling besar iaitu 19.3 peratus perubahan

varians terhadap tingkah laku prososial pelajar dibandingkan dengan dimensi aqidah dan akhlak, di mana masing-masing adalah sebanyak 9.1 peratus dan 3.7 peratus sahaja. Dapatan ini membawa maksud bahawa dimensi ibadah merupakan hal yang sangat penting dalam dimensi *religiositi* untuk membangunkan tingkah laku prososial remaja. Hal ini kerana, sebahagian besar pendidikan dan pengajaran syariat Islam di daerah Aceh lebih berfokuskan kepada bidang ibadah dalam fiqh Islam berbanding dengan kajian lainnya seperti akhlak, tauhid dan aqidah (Fauzi Saleh, 2015). Dapatan ini juga turut menyokong kajian lepas yang menyatakan bahawa tingkah laku prososial pelajar dipengaruhi oleh tahap *religiositi* yang dimilikinya (Carter *et al.*, 2007; Lees & Horwarth, 2008; Dollahite *et al.*, 2009; Robert *et al.*, 2011).

Selanjutnya, dapatan ini jelas membuktikan bahawa *religiositi* memberi sumbangan penting dalam menentukan pembangunan tingkah laku prososial seperti menolong, berkongsi dan menyumbangkan tenaga serta harta bagi orang lain yang memerlukan. Dapatan ini menyokong kenyataan Ahmed (2013) yang memberi penekanan bahawa dalam usaha untuk mewujudkan tingkah laku prososial dan saling berkongsi dalam golongan pelajar perlu diberi maklumat dan pelajaran tentang keuntungan bersedekah, berkongsi dan menolong orang lain sebagaimana wujud dalam ajaran agama Islam.

Kajian Malka dan rakan-rakan (2011), menunjukkan bahawa keagamaan berfungsi untuk memandu pelajar dalam bertingkah laku, mana satu yang boleh dilakukan dan mana yang tidak boleh dilakukan. Keagamaan mendorong pelajar untuk melakukan tingkah laku prososial seperti menolong, berkongsi dan bertolak ansur sesuai dengan ajaran agama yang diyakini (French *et al.*, 2008). Oleh sebab itu, keagamaan berperanan sebagai komponen utama dalam pembentukan identiti pelajar Muslim (Shah, 2004; Azimi, *et al.*,

2005). Pembentukan identiti pelajar oleh keagamaan mempunyai perkaitan yang sangat rapat dengan penglibatan pelajar dalam perkhidmatan keagamaan, amalan keagamaan dan aktiviti keagamaan (Shariff & Norenzayan, 2007). Di samping itu, agama juga berperanan mencegah pelajar agar tidak terbabit dalam tingkah laku anti sosial seperti penggunaan dadah, perilaku seks bebas dan minum arak (Kim *et al.*, 2012). Pelajar yang taat beragama merasakan terdapat pengawasan daripada Tuhan, maka mereka cenderung untuk mengawal diri daripada melakukan tingkah laku negatif (Robet *et al.*, 2011; Milot dan Ludden, 2009).

Merujuk kepada khazanah keilmuan Islam, nilai agama yang dimiliki oleh seseorang Muslim terutamanya golongan remaja akan dapat menjadikan mereka sebagai pelajar yang aktif melakukan *muqarabah* (*self control*) dan *muhasabah* (*self-reggulation*) yang akan menjadikan pelajar Muslim bertingkah laku prososial yang tinggi, peningkatan akhlak mulia dan kebiasaan yang Islami pada individu dan masyarakatnya (Al-Ghazali, 1998). Mereka mampu mengawal diri dengan kebebasan yang dimiliki dan menjauhi diri dari sikap berlebihan serta tidak mengikut hawa nafsu hanya kerana diri sendiri. Mereka juga mampu menerapkan hukum Islam dan menjadi seorang muslim sejati. Selain itu, pelajar juga dapat memiliki perasaan tanggungjawab serta kasih sayang sesama manusia, bertolak ansur, menghormati harta orang lain dan mengembangkan harta serta menjaganya.

Di samping itu, Al-Gahzali (1998) turut menjelaskan bahawa manusia seharusnya menyedari kelemahan diri yang sering kali melakukan kekhilafan. Hal ini kerana, walaupun manusia terhindar daripada dosa-dosa besar namun manusia pasti tak akan luput daripada melakukan dosa-dosa kecil. Allah SWT menegaskan bahawa manusia jangan

merasakan bahawa diri adalah suci kerana Allah sahaja yang mengetahui siapa yang bertakwa dan yang tidak. Selain itu, Allah juga mengingatkan manusia tentang sifat keampunan-Nya yang sangat luas. Selain sifat manusia yang lemah, mudah lupa, khilaf, kikir dan berkeluh kesah, penyebab terjerumusnya manusia ke dalam lembah kehinaan dan kemaksiatan adalah disebabkan oleh godaan syaitan yang mempengaruhi manusia dari segala penjuru. Dalam al-Quran Surah Az-Zukhruf: 36-37, Allah SWT berfirman yang terjemahannya ialah:

“Barangsiapa yang berpaling dari pengajaran Tuhan Yang Maha Pemurah (Al-Qur'an), kami adakan baginya syaitan (yang menyesatkan). Maka syaitan itulah yang menjadi teman yang selalu menyertainya (*qarin*). Dan sesungguhnya syaitan-syaitan itu benar-benar menghalangi mereka dari jalan yang benar dan mereka menyangka bahawa mereka mendapat petunjuk”.

Qarin ataupun syaitan yang selalu mendampingi manusia akan berjaya menggoda manusia jika manusia berpaling dari-Nya dan ajaran-Nya (Al-Qur'an) sehingga akhirnya manusia terhalang daripada jalan yang lurus dan benar. Namun, secara ironinya manusia tetap menyangka bahawa diri sentiasa berada di jalan yang benar dan memperoleh petunjuk-Nya sedangkan telah jauh tersesat.

Menyedari betapa lemahnya manusia daripada godaan syaitan yang menyesatkan dan menghalang manusia dari ajaran Allah serta melalaikan manusia dari mengingati-Nya, maka setiap Muslim khususnya golongan remaja perlu kepada pemahaman dan kesedaran berkaitan dengan *muraqabah* (*self-control*) dan *muhasabah* (*self-regulation*) yang mantap dalam minda dan hati.

Muraqabah adalah keupayaan diri untuk senantiasa merasa diawasi oleh Allah (*muraqabatullah*). Jadi usaha untuk menghadirkan *muraqabatullah* dalam diri dengan jalan berwaspada dan mengawasi diri sendiri. *Muraqabah* atau perasaan diawasi adalah usaha menghadirkan kesedaran dengan adanya *muraqabatullah* (pengawasan Allah). Apabila hal tersebut tertanam secara baik dalam diri seorang Muslim maka dalam dirinya terdapat pengawasan melekat (*built in control*) yakni sebuah mekanisme yang sudah menyatu dalam dirinya. Hal ini membawa maksud, ia akan aktif mengawasi dan mengawal dirinya sendiri kerana ia sedar bahawa manusia sentiasa berada di bawah pengawasan Allah, seperti dalam untaian ayat-ayat Allah berikut:

“...Dan Dia bersama kamu di mana saja kamu berada. Dan Allah Maha Melihat apa yang kamu kerjakan”.

(QS. 57:4)

“Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dan mengetahui apa yang dibisikkan hatinya, dan kami lebih dekat kepadanya dari urat lehernya”.

(QS. 50:16)

(Luqman berkata) : “Hai anakku, sesungguhnya jika ada (sesuatu perbuatan) seberat biji sawi dan berada dalam batu atau di langit atau di dalam bumi, nescaya Allah akan mendatangkannya (membalasinya) sesungguhnya Allah Maha Halus lagi Maha Mengetahui”.

(QS. 31:16)

Muraqabatullah atau kesedaran tentang adanya pengawasan Allah akan melahirkan *ma'iyatullah* (kesertaan Allah) seperti nampak pada keyakinan Rasulullah SAW (QS. 9:40) bahawa “*Sesungguhnya Allah bersama kita*” ketika Abu Bakar r.a sangat cemas musuh akan bisa mengetahui keberadaan Nabi dan menangkapnya. Begitu pula pada diri Nabi Musa a.s ketika menghadapi jalan buntu kerana di belakang tentera Fir'aun mengepung dan laut merah ada di depan mata. Namun, ketika umat pengikutnya panik

dan ketakutan, beliau sangat yakin adanya kesertaan Allah bersama mereka. Rasulullah SAW berkata, “*Sekali-kali tidak (akan tersusul). Rabbku bersamaku. Dia akan menunjukiku jalan*”. Begitu juga Nabi Ibrahim a.s juga dapat menjadi contoh teragung tentang kesedaran akan kesertaan dan pertolongan Allah. Yakni ketika beliau dibakar oleh unggun api yang menyala, beliau tetap tenang. Dan benar saja terbukti beliau keluar dari api unggun yang menyala dalam keadaan sihat wal'afiat kerana Allah telah memerintahkan makhluknya yang bernama api agar menjadi dingin dengan izin dan kehendak-Nya.

Sedangkan makna *muhasabah* merupakan usaha seorang Muslim untuk menghitung, mengira diri seberapa banyak dosa yang telah dilakukan dan mana-mana saja kebaikan yang belum dilakukannya. Jadi, *muhasabah* adalah sebuah usaha untuk selalu menghadirkan kesedaran bahawa segala sesuatu yang dikerjakannya tengah dihisab dan dicatat oleh Raqib dan Atib sehingga ia pun berusaha aktif menghisab dirinya terlebih dahulu agar dapat memperbaiki diri secepatnya. *Muhasabah* atau menghisab atau menghitung diri adalah satu usaha bersiap-siaga menghadapi dan menghindari *yaumul hisab* (hari perhitungan) yang sangat dahsyat di akhirat kelak.

Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Hai orang-orang yang beriman bertaqwalah kepada Allah dan hendaklah setiap diri, memperhatikan bekal apa yang dipersiapkannya untuk hari esok (kiamat). Bertaqwalah kepada Allah sesungguhnya Allah Maha Melihat apa yang kamu kerjakan”.

(QS. 59:18)

Persiapan diri yang dimaksudkan tentu saja membekalkan diri dengan takwa kerana di sisi Allah SWT bekal manusia yang paling baik dan berharga adalah takwa. Umar r.a pernah

mengucapkan kata-katanya yang sangat terkenal: “*Haasibu anfusakum qabla antuhasabu*” (Hisablah dirimu sebelum kelak engkau dihisab). Allah SWT juga menyuruh manusia bersegera untuk mendapat ampunan-Nya dan syurga-Nya yang seluas langit dan bumi, diperuntukkan-Nya bagi orang-orang yang bertaqwa.(QS 3:133).

Begitu pentingnya manusia melakukan *muhasabah* sejak awal secara berkala kerana segala perkataan dan perbuatan manusia dicatat dengan cermat oleh malaikat Raqib dan Atid dan akan dimintakan pertanggungjawabannya kelak di hadapan Allah.(QS. 50:17-18). Setiap kebaikan sekecil apapun juga akan dicatat dan diberi ganjaran dan keburukan sekecil apapun juga akan dicatat dan diberi balasan seperti azab-Nya.(QS. 99:7-8). Apabila manusia mengingat betapa dahsyatnya hari penghisaban, perhitungan dan pembalasan maka wajar sekiranya manusia harus mempersiapkan diri sebaik mungkin dengan amal soleh.

Apabila setiap pelajar Muslim sentiasa melakukan *muraqabah* terhadap dirinya, maka ia dapat menghadirkan *muraqabatullah* (pengawasan Allah) dalam dirinya maka ia akan selalu takut untuk berbuat kemaksiatan (tingkah laku anti sosial) kerana merasakan dan sedar bahawa dirinya dalam pemantauan dan pengawasan Allah. Kemudian apabila ia juga gemar melakukan *muhasabah* terhadap dirinya kerana takut kepada perhitungan hari akhirat, maka dapat dipastikan akan wujudnya masyarakat yang sejahtera kerana semua orang sudah memiliki pengawasan yang mantap iaitu pengawasan daripada Allah SWT.

Pelajar Muslim yang memiliki orientasi *ukhrawi* pula akan sentiasa menghitung segala tingkah lakunya dalam perspektif *Ukhrawi*. Mereka juga akan terhindar dari penyakit *Wahn* (cinta dunia dan takut mati), kezaliman, penindasan dan kemungkaran kerana

semua keburukan itu hanya akan memberikan kesengsaraan di akhirat kelak. Selain itu, pelajar Muslim akan berusaha menanam kebajikan (tingkah laku prososial) sebanyak mungkin agar dapat memetik hasilnya di akhirat kelak (QS. 22:77). Ibnul Qayyim Al-Jauziyah pernah mengibaratkan bahawa dunia adalah ladang tempat menanam, bibitnya adalah keimanan dan ketaatan adalah air dan pupuknya. Manakala, akhirat adalah tempat manusia memetik atau menuai hasilnya, kelak (Al-Jauziyah; 2009). Dengan pemahaman yang sempurna itu akan melahirkan generasi khalifah di muka bumi ini iaitu *khalifatullah fil ardhi* yang akan membebaskan dunia daripada bencana, kerosakan dan kemurkaan Allah (QS. 2:10-11, 30:41). Namun, apabila pelajar Muslim tetap mengekori musuh-musuh Allah yang membenci Al-Qur'an, maka bahaya kemurtadan akan berlaku di depan mata dan tetap saja Yahudi yang mengawal dunia serta terus menimbulkan kerosakan dan menumpahkan darah.

Merujuk kepada Damanhuri (2010), bahawa terdapat beberapa tahap yang mempunyai kaitan yang rapat antara satu sama lain dan membangun sistem pengawasan serta penjagaan yang kukuh dalam diri pelajar Muslim. Semua tahap tersebut perlu dijalankan supaya benar-benar menjadi “*safety net*” (jejaring penyelamat) yang menyelamatkan manusia daripada kerosakan di dunia serta kehancuran di akhirat nanti. Terdapat enam tahap tersebut antaranya ialah:

- a. ***Mu'ahadah*** yakni mengingat dan memperkuat kembali perjanjian manusia dengan Allah SWT di alam roh. Sebelum manusia menjadi janin yang diletakkan di dalam rahim ibu dan ditiupkan roh, manusia sudah diminta kesaksian oleh Allah, “*Bukankah Aku ini Rabbmu?*” Mereka menjawab: “*Benar (Engkau Rabb kami), kami menjadi saksi*”. (QS. 7:172). Dengan bermu'ahadah, manusia akan

berusaha menjaga agar sikap dan tingkah laku manusia tidak keluar dari kerangka perjanjian dan kesaksian manusia. Dan manusia hendaknya selalu mengingat juga bahawa manusia tak hanya lahir suci (HR. Bukhari-Muslim) melainkan sudah memiliki keberpihakan pada al-Haq dengan syahadah di alam roh tersebut sehingga tentu saja manusia tak boleh merubah atau mencederainya (QS. 30:30).

- b. ***Muraqabah***. Setelah *bermu'ahadah*, semestinya manusia *bermuraqabah*. Manusia akan sedar, bahawa Allah akan yang selalu melakukan *muraqabah* terhadap diri manusia sama ada melanggar janji dan kesaksian tersebut atau tidak.
- c. ***Muhasabah*** adalah usaha untuk menilai, menghitung, mengira amal soleh yang manusia lakukan dan kesalahan-kesalahan atau maksiat yang manusia kerjakan.
- d. ***Mu'aqabah***. Selain mengingat perjanjian (*mu'ahadah*), sedar akan pengawasan (*muraqabah*) dan sibuk mengira diri, manusia juga perlu meneladani para sahabat dan salafus-soleh dalam *meng'iqab* (menghukum atau menjatuhkan saksi atas diri mereka sendiri). Saidina Umar r.a terkenal dengan ucapan: “*Hisablah dirimu sebelum kelak engkau dihisab*”, maka tak ada salahnya manusia mengumpamakan *mu'aqabah* dengan ucapan tersebut yakni “*Iqablah dirimu sebelum kelak engkau diiqab*”. Umar Ibnul Khathab pernah lalai dari menunaikan solat zuhur berjemaah di masjid kerana sibuk mengawasi kebunnya. Lalu kerana beliau merasakan kebun tersebut melalaikannya dari bersegera mengingat Allah, maka beliau pun cepat-cepat menghibahkan kebun beserta isinya tersebut untuk keperluan fakir miskin.
- e. ***Mujahadah*** adalah usaha yang keras untuk bersungguh-sungguh melaksanakan ibadah kepada Allah, menjauhi segala yang dilarang Allah dan mengerjakan apa saja yang diperintahkan-Nya. Kelalaian sahabat Nabi SAW yakni Ka'ab bin Malik sehingga tertinggal dari kumpulan saat perang Tabuk adalah kerana beliau kurang

bermujahadah untuk mempersiapkan kuda perang dan sebagainya. Ka'ab bin Malik mengakui dengan jujur kelalaian dan kurangnya *mujahadah* pada dirinya dan memohon anpun di atas kesalahan yang beliau lakukan. Rasulullah Muhammad SAW terkenal dengan *mujahadah*nya yang luar biasa dalam ibadah seperti dalam solat tahajudnya. Kaki beliau sampai bengkak kerana terlalu lama berdiri. Namun, ketika isteri beliau Ummul Mukminin Aisyah r.a bertanya, “Kenapa engkau menyiksa dirimu seperti itu, bukankah sudah diampuni, seluruh dosamu yang lalu dan yang akan datang”. Beliau menjawab. “Salahkah aku apabila menjadi 'abdan syakuran?’”.

- f. ***Mutaba'ah***. Terakhir manusia perlu kawalan, pantauan dan menilai sejauh mana proses-proses tersebut seperti *mu'ahadah* dan seterusnya berjalan dengan baik.

Pada akhirnya diharapkan nilai keagamaan pelajar Muslim akan meningkatkan ketaatan kepada Allah. Mereka akan sentiasa melakukan *muraqabah* dan *muhasabah* terhadap dirinya supaya senang untuk melakukan perbaikan diri. Selain itu, mereka juga dapat meneliti, membuat pembetulan dan menganalisis diri sendiri. Apa sahaja yang menjadi faktor kekuatan diri harus disyukuri dan digunakan sepenuhnya. Manakala, apa saja yang menjadi faktor kelemahan diri harus diatasi dan dihapuskan.

Menurut Damanhuri (2010), apabila diperincikan secara saksama maka terdapat tiga hasil yang akan diperolehi oleh pelajar Muslim yang rajin melakukan *muraqabah* dan *muhasabah* iaitu;

1. Mengetahui aib diri, kekurangan dan kelemahan diri serta berupaya untuk membuang atau bahkan menghilangkannya.
2. *Istiqamah* di atas syariat Allah SWT. Kerana ia mengetahui dan sedar akan kesan keimanan dan akan dipertanggungjawabkan di akhirat kelak. Oleh itu, cubaan sebesar apapun tidak akan memalingkannya dari jalan Allah seperti tokoh Bilal dan Masyitah. Walau bagaimanapun, istiqamah adalah hal yang sangat berat sehingga Rasulullah SAW mengatakan : “Surat Hud membuatku beruban” (Kerana di dalamnya ada ayat 112 berisi perintah untuk istiqamah dengan perintah Allah).
3. Insya Allah akan selesa dari berat dan teruknya penghisaban (pengiraan amal) di hari kiamat nanti (QS. 3:30).

Di samping itu, tahap keagamaan seseorang pelajar juga dapat menjadikan mereka sebagai seorang yang aktif melakukan *muqarabah* (*self control*) dan *muhasabah* (*self-reggulation*), dengan memiliki pelbagai karakter tingkah laku prososial iaitu tidak sombong kepada manusia, tidak mengumpat dengan aib manusia, *tawadhu'* tanpa harus merasa terhina, bersikap lemah lembut kepada manusia, bersilaturahmi, tidak mudah terikut-ikut, tidak berbohong kecuali yang mubah, menghindari dari mencemuh orang lain, menjauhi *ghibah*, mengadu domba, menghindari sikap memperolok-olokkan manusia dan menjauhi teman yang buruk akhlaknya.

Konsep *religiositi* juga dapat dilihat sebagai satu pendekatan penting dalam melahirkan Muslim progresif yang berpaksikan kekuatan iman dan takwa tanpa mengabaikan kebajikan baik makhluk Allah lainnya (Fadullah, Ayatullah Sayyid Husain, 2008; Abdul

Azis Ahyadi, 1991). Konsep *religiositi* dipandang serius sebagai satu amalan terbaik bagi membendung aktiviti yang melampaui batas dalam semua perkara serta membentuk modal insan dan tingkah laku prososial yang tinggi ke arah perpaduan negara (Mohd Roslan Mohd Nor, 2011; Najib Razak, 2012).

5.2.4.2 Pengaruh Penaakulan Moral terhadap Tingkah Laku Prososial Pelajar

Hasil kajian mendapati penaakulan moral memberi pengaruh yang signifikan terhadap tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah di Aceh. Gabungan dimensi-dimensi penaakulan moral memberi sumbangan sebanyak 8.6 peratus perubahan varians terhadap tingkah laku prososial. Dapatan ini menunjukkan bahawa penaakulan moral dapat mempengaruhi tahap tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah di Aceh sebanyak 8.6 peratus dan terdapat 91.4 peratus perubahan varians terhadap tingkah laku prososial yang dipengaruhi oleh faktor lain seperti penghayatan nilai murni, *religiositi*, rakan sebaya, ibu bapa, guru dan sebagainya. Manakala, jika dilihat pengaruh setiap dimensi didapati hanya dimensi *istiqamah* dan dimensi *taqlid* yang memberi sumbangan terhadap perubahan varians tingkah laku prososial pelajar dengan sumbangan masing-masing 21.6 peratus dan 10.2 peratus. Walau bagaimanapun, dapatan ini selari dengan kajian lepas (Kohlberg, 1981; Brook, *et al.*, 2013; Blasi, 1980; Derryberry & Thoma, 2005; Thoma, 1994). Menurut Brook *et al.*, (2013), menyatakan bahawa penaakulan moral merupakan faktor yang berpengaruh secara signifikan terhadap pembangunan tingkah laku prososial individu.

Namun, sumbangan tersebut terlalu kecil kerana masih terdapat faktor-faktor lain yang mempengaruhi tingkah laku prososial. Menurut Derryberry & Thoma (2005), pengaruh penaakulan moral terhadap tingkah laku prososial tidak signifikan kerana seorang individu seringkali tidak mengambil tindakan yang bersesuaian dengan pilihan moral yang mereka yakini. Bahkan masih banyak individu pada keadaan tertentu mereka tidak lagi mempertimbangkan kerugian orang lain walaupun mereka mengetahui tindakan tersebut bertentangan dengan moral. Hal ini kerana mereka menganggap bahawa keadaan kecemasan dan tidak menguntungkan individu sehingga mereka akhirnya bertindak laku tidak ambil kira terhadap keselamatan dan kerugian orang lain (Blasi, 1980; Frimer & Walker, 2008).

Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini menyokong kajian Cohn *et al.*, (2010), yang menjelaskan bahawa tingkah laku prososial dipengaruhi oleh bagaimana seseorang melakukan pertimbangan moral (*moral judgement*). Penaakulan moral seseorang sentiasa mempengaruhi bagaimana seseorang itu akan bertindak laku. Jika ia berpegang kepada moral universal maka ia akan bertindak laku prososial terhadap masyarakat dipersekitarannya (Comunian & Gielen, 1995; Kumru, Carlo, Mestre, & Samper, 2012).

Dapatan kajian ini bercanggah dengan pendapat Black, (1972), mendapati bahawa taakulan moral semestinya mewujudkan tingkah laku positif kerana penaakulan moral tanpa didasari dengan tindakan yang sewajarnya tidak akan berguna. Namun, dalam perbincangan kajian ini perlu ditegaskan bahawa sedikit sebanyak penaakulan dapat mempengaruhi tingkah laku prososial remaja. Menurut Furter (1965), moral merupakan masalah yang penting dalam usia remaja. Proses perkembangan yang terjadi dalam diri seorang remaja terbentuk dengan apa yang dialami dan diterimanya semasa zaman kanak-

kanak sehingga sedikit sebanyak hal tersebut akan mempengaruhi perkembangannya yang akan menuju dewasa. Oleh karena itu, moral merupakan salah satu aspek penting yang perlu dikembangkan dalam diri seseorang.

Penaakulan moral berperanan penting bagi proses perkembangan prinsip moral. Pada aspek penaaakulan moral diharapkan seorang remaja yang menghadapi dilema moral secara reflektif mengembangkan prinsip-prinsip moral peribadi yang dapat bertindak sesuai dengan dasar moral yang diyakini dan bukan merupakan tekanan sosial. Penaakulan moral yang seperti ini dapat terbentuk karena penerimaan nilai moral yang diperoleh melalui lingkungan sosial, seperti keluarga, sekolah dan kelompok agama yang diproses melalui penaaakulan dan dicamkan melalui batin. Penaakulan moral terjadi dalam dan melalui interaksi individu itu sendiri dengan seluruh keadaan sosial kehidupannya. Selain itu, Kohlberg (1995) dalam Duska & Wheelan (1982), menjelaskan bahawa proses perkembangan moral perlu mengikut susunan tahap tertentu dan tidak boleh dilangkaui.

Namun demikian, tingkah laku prososial remaja dan penaaakulan moral remaja banyak dipengaruhi oleh lingkungan di mana mereka hidup. Maka masyarakat (lingkungan) seperti sekolah dan keluarga menjadi faktor penting dalam membangunkan tingkah laku dan moral remaja. Hal ini kerana, nilai-nilai moral yang dimiliki oleh remaja banyak diperolehi daripada aspek luaran berbanding aspek dalaman dirinya. Remaja belajar dan diajar oleh lingkungannya mengenai bagaimana mereka harus bertingkah laku yang baik dan tingkah laku yang bagaimana yang dikatakan salah atau tidak baik. Lingkungan ini dapat diertikan sebagai ibu bapa, saudara mara, rakan sebaya, guru-guru dan sebagainya.

5.2.4.3 Pengaruh Penghayatan Nilai Murni terhadap Tingkah Laku Prososial

Dapatan kajian ini juga mendapati bahawa penghayatan nilai murni memberi pengaruh yang signifikan terhadap tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah di Aceh. Gabungan keseluruhan dimensi nilai murni memberi sumbangan pengaruh kepada tingkah laku prososial sebanyak 53.4 peratus perubahan varians terhadap tingkah laku prososial. Dapatan ini membawa maksud bahawa tingkah laku prososial dipengaruhi oleh penghayatan nilai murni pelajar sebesar 53.4 peratus atau ada 46.6 peratus dipengaruhi oleh faktor lain, seperti penaakulan moral, *religiositi*, rakan sebaya dan lain sebagainya. Manakala, jika dilihat pengaruh masing-masing dimensi didapati dimensi demokrasi memberi sumbangan paling besar sejumlah 15.8 peratus dan dimensi bermasyarakat 12.9 peratus perubahan varians terhadap tingkah laku prososial pelajar dibandingkan dengan dimensi lainnya (berketerampilan, berdikari, sihat dan patriotisme). Walau bagaimanapun, dapatan ini menyokong kajian lepas yang menyatakan bahawa tingkah laku prososial pelajar dipengaruhi oleh tahap penghayatan nilai murni yang dimilikinya (Akhwan, 2011; Ghufroon, 2010; Isnaini, 2013; Kemdiknas, 2010; Sauri, 2016; Sumardi, 2012; Thoifah, 2016; Wening, 2012; Winarni, 2013; Zarkasyi, 2015; Zuchdi *et al.*, 2010).

Seterusnya, dapatan kajian Akhwan (2011) menyatakan bahawa penghayatan nilai murni dalam pendidikan Islam dikenal dengan *akhlakul karimah*, di mana ianya menjadi salah satu faktor mempengaruhi pembangunan perilaku prososial pelajar Muslim. Akhlak adalah sifat yang muncul dari jiwa seseorang untuk melakukan perbuatan secara tidak sedar dan tanpa pertimbangan terlebih dahulu (al-Ghazali, 1998). Al-Ghazali memaknai akhlak sebagai sifat yang tertanam dalam jiwa yang melahirkan pelbagai perbuatan

dengan mudah tanpa memerlukan pemikiran dan pertimbangan. Oleh kerana itu, pelajar dengan penghayatan nilai murni yang baik akan mewujudkan tingkah laku prososial yang baik. Mereka sentiasa melaksanakan kewajipan dan menjauhi semua larangan sesuai dengan ajaran Islam (Sauri, 2016).

Menurut Anis Matta (2006), akhlak adalah nilai murni yang telah menjadi sikap mental yang berakar dalam jiwa lalu terbentuk menjadi tindakan dan tingkah laku yang bersifat tetap dan natural. Penghayatan nilai murni yang ada pada individu dapat menjadikan seseorang bertingkah laku positif dalam kehidupan seharian. Selanjutnya, Nurcholis Majid (2000), menegaskan bahawa dalam konteks Pendidikan Islam, nilai murni atau akhlak yang ditanamkan pada anak harus berlandaskan pada dua dimensi kehidupan manusia iaitu dimensi ketuhanan dan dimensi kemanusiaan. Kedua dimensi ini perlu ditanamkan ke dalam diri seorang anak agar anak memiliki rasa ketakwaan kepada Allah SWT dan rasa kemanusiaan terhadap sesama manusia dalam bentuk tingkah laku prososial sehingga wujud dalam dirinya *hablumminallah* dan *hablumminannas* yang terpelihara dan terjaga.

Dapatan kajian ini turut memperkukuhkan bahawa dengan penghayatan nilai murni, secara khusus pada dimensi demokratik dan bermasyarakat akan menjadikan individu yang bertingkah laku prososial dalam menjalani hidupnya dengan masyarakat sekitarnya. Walau bagaimanapun, menurut Sauri (2016), aktualisasi nilai-nilai Islam dalam proses pendidikan perlu dipandang sebagai suatu persoalan yang penting dalam usaha penanaman ideologi Islam menjadi tingkah laku yang nyata dalam kehidupan pelajar sehingga dapat mewujudkan penghayatan nilai murni yang baik malah dapat memberikan sumbangan kepada pembentukan amalan tingkah laku prososial.

Justeru, pendidikan akhlak mengikut nilai-nilai murni Islam di sekolah diharapkan dapat membentuk keperibadian pelajar. Dengan kata lain pendidikan akhlak bukan hanya bersifat formal dalam ucapan dan teori belaka akan tetapi sehingga ke tingkat pelaksanaan dalam kehidupan untuk membentuk tingkah laku prososial (Dharmaji, 2015). Oleh itu, menurut Abd. Rahim (2001), perhatian terhadap penghayatan nilai murni menjadi penting dalam pembangunan pelajar kerana pengetahuan dan kefahaman nilai yang tumbuh dengan baik dapat melahirkan pelajar yang bertindak dengan waras dan bijaksana dalam menangani masalah yang dihadapi serta dapat membentuk sikap dan tingkah laku pelajar yang baik juga bertingkah laku prososial bagi orang lain disekelilingnya.

5.2.4.4 Pengaruh Pemboleh Ubah Utama (*Religiositi*, *Penaakulan Moral*) dan Pemboleh Ubah Utama Demografi (*Jantina*, *Tempat Tinggal* dan *Jenis Sekolah*) Terhadap Tingkah Laku Prososial Pelajar

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa terdapat pelbagai faktor yang menyumbang secara unik terhadap tingkah laku prososial pelajar Aceh. Hasil analisis regresi berganda dengan kaedah *stepwise* menunjukkan bahawa daripada keenam belas pemboleh ubah bebas (*religiositi* (aqidah, ibadah dan akhlak), *penaakulan moral* (*taqlid*, *taqlid* dekaden, *taqlid* pengetahuan dan istiqamah), nilai murni (bermasyarakat, demokratik, trampil atau keterampilan, mandiri atau berdikari, sihat dan patriotik) serta demografi pelajar (*jantina*, *tempat tinggal* dan *jenis sekolah*) yang dijangkakan memberi sumbangan signifikan terhadap tingkah laku prososial, hanya ada sebelas pemboleh ubah yang memberi sumbangan secara signifikan iaitu; istiqamah, *taqlid*, demokratik, patriotisme, aqidah, *taqlid* dekaden, trampil, *taqlid* pengetahuan, bermasyarakat, sihat dan jantina.

Dapatan analisis berganda dengan kaedah *stepwise* menunjukkan sebuah model, iaitu:

$$\text{Model 13 : } Y_1 = a + b_1 x_1 + b_2 x_2 + b_3 x_3 - b_4 x_4 + b_5 x_5 + b_6 x_6 + b_7 x_7 - b_8 x_8 + b_9 x_9 + b_{10} x_{10} - b_{11} x_{11} + e$$

$$Y_1 = a + .149 x_1 + .097 x_2 + .325 x_3 + .193 x_4 + .226 x_5 + .150 x_6 + .173 x_7 + .095 x_8 + .116 x_9 + .077 x_{10} - .051 x_{11} + e$$

Penjelasan:

Y_1 = Tingkah Laku Prososial

x_1 = Istiqomah

x_2 = Taqlid

x_3 = Demokratis

x_4 = Patriotisme

x_5 = Aqidah

x_6 = Taqlid Dekaden

x_7 = Trampil

x_8 = Taqlid Pengetahuan

x_9 = Bermasyarakat

x_{10} = Sehat

x_{11} = Jantina

$b_1 b_2 b_3 b_4 \dots$ = koefisien regresi

a = konstanta

e = taraf kesilapan (error)

Hasil dapatan bagi ujian regresi berganda dengan kaedah *stepwise* ini, menunjukkan bahawa dari semua pemboleh ubah bebas hanya sebelas pemboleh ubah (istiqamah, *taqlid*, demokratik, patriotisme, aqidah, *taqlid* dekaden, trampil atau keterampilan, *taqlid* pengetahuan, bermasyarakat, sihat dan jantung) yang dapat mengandaikan tingkah laku prososial pelajar Aceh. Hasil analisis juga menunjukkan bahawa pemboleh ubah istiqamah, *taqlid*, demokratik, patriotisme, aqidah, *taqlid* dekaden, trampil, *taqlid* pengetahuan, bermasyarakat, sihat dan jantung mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan tingkah laku prososial pada pelajar. Manakala, keputusan nilai pekali R^2 yang diperolehi menunjukkan gabungan kesebelas pemboleh ubah bebas, iaitu istiqamah, *taqlid*, demokratik, patriotisme, aqidah, *taqlid* dekaden, trampil atau keterampilan, *taqlid* pengetahuan, bermasyarakat, sihat dan jantung dapat menghuraikan sebanyak 62.2 peratus varians ke atas tingkah laku prososial pelajar (Rujuk Jadual 4.2). Ini bererti ada sebanyak 37.8 peratus dari varians tingkah laku prososial pelajar Aceh dijelaskan oleh angkubah lainnya (seperti; polisi kerajaan, teknologi maklumat, media akhbar, gaya keibubapaan, guru di sekolah dan rakan sebaya).

Manakala, pemboleh ubah istiqamah penaakulan moral memberi sumbangan terbesar berbanding dengan pemboleh ubah bebas lain. Individu yang istiqamah dalam mengaplikasikan penaakulan moral akan menjadi individu yang memiliki komitmen moral yang baik. Mereka adalah individu yang mengutamakan komitmen dan tindakan moral (lebih dari tindakan atau masalah hidup lainnya) dalam menjalankan tingkah laku prososial. Memiliki motivasi penaakulan moral yang kuat dengan berpandukan ajaran Islam. Motivasi moral yang bersungguh-sungguh memerlukan suatu fokus kebiasaan pada tindakan moral yang istiqamah, ia mencerminkan karakteristik seperti tidak

mementingkan diri sendiri dan sikap suka untuk bekerjasama dengan orang lain dalam menyelesaikan masalah. Motivasi moral yang *istiqamah* merupakan identitas etika yang tidak mementingkan diri sendiri dan kewarganegaraan.

Menurut Blasi (1980), menyatakan bahwa motivasi dan tindakan selanjutnya muncul dari identitas. Identitas moral mencerminkan bagaimana masalah pusat moral terhadap konsep diri seseorang. Orang yang memiliki identitas moral atau etika mengutamakan komitmen moral dan merasa berkewajiban untuk hidup konsisten dengan masalah moral masing-masing. Ketika konsep diri diatur di sekitar kebajikan moral, hal tersebut dapat mempengaruhi tingkah laku prososialnya. Mereka yang mengambil kepemilikan standar moral sebagai bagian daripada diri sendiri lebih cenderung tidak melakukan perubahan penaklukan moral yang diyakini selama ini (Paciello, Fida, Tramontano, Lupinetti, & Caprara, 2008).

Demikian pula, Aquino *et. al* (2007) telah menunjukkan bahwa setiap individu dengan identitas moral yang kuat cenderung tidak menggunakan alasan untuk melemahkan moral dan mendukung penerimaan moral yang merugikan orang lain. Proses penaklukan moral yang lebih dominan telah menjadikan ia mengambil bagian dalam tindakan moral yang signifikan dan *istiqamah*, tanpa penggabungan kepentingan pribadi dan moral (Colby & Damon, 1992).

Selanjutnya aspek aqidah juga memberi sumbangan unik terhadap pembentukan tingkah laku prososial. Nilai ketauhidan yang kuat dapat menjadikan individu lebih konsisten (*istiqamah*) dalam penaklukan moral untuk mengambil sesuatu tindakan. Melalui aqidah telah menghadirkan Allah SWT dalam segala tingkah lakunya serta pemahaman

muraqobatullah dan *muaqoballah* dapat melahirkan individu yang bertingkah laku prososial. Mereka akan membantu orang lain kerana yakin bahawa Rasulullah SAW telah bersabda “sesungguhnya Allah akan senantiasa menolong hambaNya selama hambaNya menolong orang lain. Nilai-nilai ketauhidan mewujudkan peribadi yang memiliki nilai murni yang suka bermasyarakat, demokratik dan patriotik iaitu cinta negara dan bangsa.

Adapun dimensi demokratik, berdikari dan bermasyarakat merupakan penghayatan nilai murni yang secara unik dapat memberi sumbangan terhadap tingkah laku prososial pelajar. Dapatan ini menyokong kenyataan Darmadji (2013), yang memberi penekanan bahawa, dalam usaha untuk mewujudkan persefahaman dan saling menerima dalam kalangan etnik, golongan pelajar perlu diberi peluang untuk berinteraksi sesama mereka yang berlainan kaum dengan mengamalkan konteks terbaik berkonsepkan demokratik, berdikari dan bermasyarakat. Hal ini juga menyokong kenyataan Juma Abdu Wamaungo dan Jarnawi Afgani (2013) yang berpendapat bahawa telah menjadi kemestian khususnya kepada pelajar untuk meningkatkan tingkah laku prososial seperti bersikap toleransi dan saling menghargai menjadi warganegara yang bersemangat patriotik kepada nusa dan bangsa sebagai bakal pemimpin negara pada masa akan datang. Selain itu, masyarakat yang mampu hidup bersatu padu dan sentiasa bertoleransi bakal melahirkan generasi yang berwibawa, yang saling bekerjasama dengan baik, dan secara tidak langsung peranan mereka sebagai rakyat terhadap negara menjadi agenda utama untuk terus berjaya dan cemerlang sebagai sebuah negara yang aman harmoni berbilang kaum dan agama serta bahasa (Agus Wibowo, 2012).

Dalam perbincangan dapatan kajian Ghofron (2010) dinyatakan, salah satu usaha sebagai proses mengisi kemerdekaan dan cinta negara, soal pembentukan nilai-nilai murni dalam

generasi muda perlu diutamakan agar wawasan negara untuk membentuk negara bangsa Indonesia akan wujud dan menjadi kenyataan dalam realiti kehidupan masyarakat majmuk. Pemupukan nilai murni patriotisme dalam kalangan pelajar dan seluruh rakyat memerlukan pendekatan menyeluruh supaya seluruh anggota masyarakat khususnya generasi baru menghayati semangat nilai patriotisme, bermasyarakat dalam menolong sesama manusia dan bertolak ansur, berbagi serta giat bekerja mensejahterakan umat dan bangsa. Bukan sebaliknya iaitu saling menghina, tidak bertolak ansur dan bercanggah pendapat sesama bangsa yang berbilang kaum, yang dapat meruntuhkan persatuan dan kejayaan negara (Irwan Masduqi, 2013).

5.2.5 Pengaruh Penaakulan Moral dan Penghayatan Nilai Murni sebagai Pemboleh Ubah Perantara terhadap Hubungan antara Religiositi dengan Tingkah Laku Prososial

Perbincangan terakhir adalah berdasarkan kepada objektif kajian yang kelima iaitu untuk mengenal pasti pengaruh yang signifikan antara dua aspek iaitu penaakulan moral dan penghayatan nilai murni sebagai pemboleh ubah perantara (*mediator variabel*) terhadap hubungan antara *religiositi* dengan tingkah laku prososial pelajar. Kajian ini melakukan dua siri analisis regresi berganda sederhana terhadap ujian hipotesis kepada wujudnya variabel penaakulan moral sebagai variabel perantara (*mediator variabel*) terhadap hubungan antara *religiositi* dengan tingkah laku prososial pelajar dan wujudnya variabel penghayatan nilai murni sebagai variabel perantara (*mediator variabel*) terhadap hubungan antara *religiositi* dengan tingkah laku prososial pelajar. Kedua-dua dapatan kajian ini akan dibincangkan pada sub-bab seterusnya ini.

5.2.5.1 Pengaruh antara *Religiositi* Terhadap Tingkah Laku Pelajar Berdasarkan kepada Penaakulan Moral sebagai Mediator

Merujuk kepada dapatan analisis regresi sederhana kepada tidak wujudnya pengaruh signifikan variabel penaakulan sebagai variabel perantara (*mediator variabel*) terhadap hubungan antara *religiositi* dengan tingkah laku prososial pelajar, maka dapat dijelaskan bahawa pemboleh ubah *religiositi* memiliki hubungan yang signifikan dengan tingkah laku prososial pelajar tanpa melalui sumbangan variabel penaakulan moral. Pelajar yang taat dengan ajaran agamanya akan melakukan tingkah laku prososial tanpa memerlukan penaakulan moral yang mendalam dalam dirinya.

Dapatan ini selari dengan dapatan kajian (Eisenberg *et al.*, 1995), yang menjelaskan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penaakulan moral dan tingkah laku prososial. Individu melakukan tindakan prososial tidak selalunya disebabkan oleh penaakulan moral yang dimiliki, tetapi kerana ia mengalami transformasi perkembangan penaakulan moral dari masa ke semasa. Kanak-kanak cenderung menggunakan pemikiran hedonistik dan keperluan berorientasi prososial. Namun ketika ia mencapai usia sekolah rendah, alasan yang diberikan mulai mencerminkan kepada kepedulian dan persetujuan dengan rakan sebaya. Bahkan terkadang mereka cenderung menetapkan cara stereotaip baik-buruk yang mereka miliki bersesuaian dengan rakan sebaya walaupun berbeza dengan nilai moral yang diyakini sebelumnya seperti, nilai moral daripada orang tua dan sekolah. Oleh sebab itu, sering didapati tidak selalu hubungan positif di antara penaakulan moral yang dimiliki pelajar dengan tingkah laku prososial, seperti pelajar memahami mencuri adalah perbuatan salah, tidak bermoral namun perihal mencuri semasa peperiksaan di

sekolah masih juga dilakukan pelajar, begitu juga dengan membuli dan melakukan salah laku seks di antara mereka masih juga dilakukan oleh pelajar (Khafri Hidayat, 2013; Jahya, 2007).

Oleh hal demikian, pelajar yang taat akan bertingkah laku posisal tanpa melalui perantara penaakulan moral. Dapatan kajian ini juga selari dengan pendapat Roger Staughan (1982), bahawa sudah terdapat satu perhubungan antara pertimbangan moral (*moral judgement*) dan tingkah laku moral. Namun demikian, menurut beliau penaakulan moral individu tidak selalu mesti berhubung kait dengan bagaimana seseorang itu sebenarnya bertingkah laku. Indivu dapat melakukan tindakan yang tidak sesuai dengan pertimbangan rasional atau tingkah laku tanpa bermakna bermoral, karena perbuatannya hanya merupakan ketaatan membabi buta terhadap autoriti tanpa mempertimbangkan makna moral yang universal (Morales-Sanchez & Cabello-Medina, 2013). Bahkan individu boleh berfikir dan menjadi orang yang tidak bertingkah laku prososial dan tidak bermoral karena tugas profesional dan autoriti pengetua, seperti yang dilakukan oleh bangsa dan tentara Jerman yang bertamadun semasa Perang Dunia Pertama dan Perang Dunia Kedua, di mana mereka melakukan pembunuhan massal terhadap kaum minoritas Yahudi (Roger Straughan, 1982; M. Black, 1972).

Namun demikian, kepentingan penaakulan moral dalam pembentukan tingkah laku prososial pelajar tetap perlu diambil kira, karena dapatan ini menunjukkan hubungan yang signifikan di antara variabel penaakulan moral dan tingkah laki peososial pelajar. Dapatan kajian ini turut diperkukuhkan dengan terdapat pengaruh yang signifikan antara *religiositi* dan penaakulan moral terhadap tingkah laku prososial pelajar. Ini menunjukkan bahawa

penaakulan moral dan religiusitas dimiliki oleh pelajar secara bersama-sama menyumbang kepada tingkah laku prososial.

Dapatan kajian ini menyokong kajian lepas Hadi Rianto (2013), di mana dijelaskan bahawa peranan penaakulan moral dalam mengukuhkan keberkesanan tingkah laku prososial pelajar sangat bererti. Kajian beliau telah melibatkan tiga aspek domain moral iaitu pengetahuan moral, perasaan moral dan tindakan moral dalam Pendidikan Karakter, di mana didapati bahawa perasaan moral dan perasaan moral memiliki hubungan yang signifikan memberi kesan kepada perkembangan kemandirian dan saling berkerjasama dalam kalangan pelajar.

Walaubagaimanapun hasil dapatan kajian ini juga disokong oleh kajian Mohd Zailani (2013), di mana berdasarkan hasil kajian yang dijalankan mendapati bahawa kerohanian Islam juga memainkan peranan yang sangat penting dalam menentukan kualiti penilaian moral mereka dalam menangani isu penghakiman moral dalam kalangan pelajar di sekolah agama. Kajian ini dapat dijadikan juga sebagai sokongan kepada hasil dapatan kajian ini kerana aspek penaakulan moral merupakan suatu domain yang sangat penting dalam membuat penilaian moral serta secara tidak langsung menjamin kepada perkembangan tingkah laku prososial. Hal ini sesuai dengan dapatan kajian ini bahwa penaakulan moral bersama-sama dengan *religiositi* telah memberi pengaruh yang bererti terhadap tingkah laku prososial pelajar tanpa wujud variabel perantara dalam pengaruh ketiga-tiga variabel yang diteliti. Sebagaimana kajian yang dilakukan oleh Mohd Zailani, Aswati, Mohammad Hashim & Alis Puteh (2009) turut menyatakan bahawa permasalahan sosial dalam kalangan pelajar dapat diatasi melalui kesepaduan ilmu dan pembentukan moral dalam pendidikan. Pelajar berupaya membuat pertimbangan baik dan buruk sesuatu

yang dilakukan oleh mereka dan dapat membentuk akhlak yang mulia dalam kehidupan di masyarakat.

Dapatan ini juga menyokong kajian lepas yang dilakukan Laible, Murphy, dan Augustine, (2014), yang mengkaji sama ada kesan kognisi moral dan emosi dalam meramalkan perilaku prososial dan anti sosial remaja. Kajian ini mendapati bahwa emosi dan pertimbangan moral dikaitkan secara signifikan dengan tingkah laku sosial remaja. Di mana kajian ini menjelaskan bahawa emosi moral dapat mempromosikan tingkah laku prososial dan menghalangi tingkah laku antisosial yang agresif. Rasa bersalah dan malu memberi kesan negatif yang timbul akibat melanggar norma moral di masyarakat. Rasa bersalah dianggap berkaitan erat dengan moral, kerana ia dikaitkan dengan penebusan dan membuat perubahan pada diri remaja, manakala rasa malu dianggap berkaitan dengan penarikan remaja dari kumpulan orang banyak. Walau bagaimanapun, rasa bersalah dan malu dapat memberi motivasi untuk bertingkah laku prososial dan menjauhkan tingkah laku anti sosial. Oleh itu, individu yang berperilaku secara moral dapat mengelakkan penilaian diri negatif yang timbul akibat tingkah laku anti sosial, sedangkan individu yang bersalah dengan moral cenderung untuk mengelakkan daripada melanggar harapan moral ideal yang diyakini bersama dalam masyarakat.

Seterusnya menurut Laible et. al. (2014), menyatakan bahawa penaaakulan moral membenarkan remaja memahami akibat daripada tindakan mereka terhadap orang lain dan memahami perspektif mangsa yang akibat perbuatan agresif yang dilakukannya. Akibatnya, pengambilan penaankulan moral juga dapat menggalakkan perasaan tanggungjawab terhadap orang lain, dan menjadikan remaja bertingkah laku prososial dan sebaliknya menjauhkan remaja bertingkah laku agresif. Namun demikian dalam konteks

membantu orang lain, terutamanya dalam situasi di mana keperluan remaja bertentangan dengan keperluan orang lain, remaja sering dihadapkan dengan keputusan yang teruk, kerana tidak terdapat panduan yang jelas untuk tindakan yang mesti diambil. Oleh itu, nilai agama sebagai keupayaan untuk memberikan alasan dan memahami keperluan orang lain dapat memberi pengaruh kepada tindakan tingkah laku prososial yang dilakukan pelajar muslim (Maliki, et. al., 2015).

Selari dengan dapatan kajian Ernsberger dan Manaster (1981) terhadap 169 ahli gereja dewasa tentang hubungan orientasi *religiositi* dengan pertimbangan moral mendapati bahawa ahli-ahli gereja konservatif lebih memilih peringkat yang keempat di dalam tahap (konvensional) pertimbangan moral. Sementara ketua gereja konservatif menunjukkan pemilihan yang lebih kuat (pasca konvensional). Ahli dan pemimpin gereja liberal lebih memilih kepada tahap pasca konvensional. Hasil dapatan ini membuktikan bahawa terdapat hubungan antara faktor orientasi *religiositi* dengan pertimbangan moral seseorang di dalam sesuatu agama. Selari dengan dapatan kajian Sapp dan Gladding (1989) yang menjelaskan bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan di antara skor P pertimbangan moral dengan orientasi *religiositi*. Dapatan ini menunjukkan bahawa seseorang yang melihat *religiositi* mereka sebagai satu dialog terbuka berhubung dengan isu *religiositi* adalah lebih cenderung kepada pemikiran pasca konvensional. Mereka akan menilai perbuatan moral yang bersetara dengan etika moral universal yang lebih dalam berbanding mereka yang tidak menyukai isu agama dalam perbincangan di antara mereka. Manakala, kajian Azizah (1995) mendapati bahawa bentuk pemikiran moral dalam kalangan pelajar Islam adalah berdasarkan ketauhidan kepada Allah. Beliau menjelaskan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara agama dengan tahap moral pelajar

dalam menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan isu-isu moral semasa. Dengan demikian dapat disimpulkan bahwa wujudnya *religiositi* dan penaakulan moral besama-sama menjadi unsur yang perlu diambil kira dalam pembinaan tingkah laku prososial pelajar Muslim.

5.2.5.2 Pengaruh antara *Religiositi* terhadap Tingkah Laku Prososial Pelajar Berdasarkan kepada Penghayatan Nilai Murni sebagai Mediator

Wujudnya penghayatan nilai murni sebagai pemboleh ubah pengantara atau mediator antara *religiositi* terhadap tingkah laku prososial pelajar dapat diperkukuhkan lagi oleh hasil dapatan kajian ini. Di mana ianya menunjukkan bahawa terdapat pengaruh yang signifikan antara *religiositi* terhadap tingkah laku prososial pelajar berdasarkan kepada penghayatan nilai murni sebagai pemboleh ubah perantara bagi kajian ini. Ini menunjukkan bahawa penghayatan nilai murni yang dimiliki oleh pelajar menyumbang kepada tingkah laku prososial pelajar. Kepentingan penghayatan nilai murni dalam mengukuhkan keberkesanan pembentukan tingkah laku prososial pelajar turut dinyatakan oleh kajian-kajian yang dilakukan oleh Mohd Khairi, Asmawati & Samsilah (2015); Teh Siew Hui (2007); dan Norazri (2015).

Hal ini demikian kerana, penghayatan merupakan suatu perkara yang berkaitan dengan tindakan dalam menjiwai ilmu dan iman sehingga dapat diinterpretasikan melalui tingkah laku menurut Nik Azis Nik Pa (2007). Oleh hal demikian kerana, penghayatan nilai murni penting dimiliki oleh setiap individu atau pelajar bagi melahirkan sikap dan perilaku yang

baik dalam lingkungan masyarakat dan secara tidak langsung dapat mengelakkan daripada melakukan perkara-perkara yang negatif serta apabila seseorang itu menghayati secara tidak langsung akan mengamalkan apa yang dihayati untuk menjadi warganegara yang baik dan berkualiti (Abd. Rashid, 2001).

Dapatan kajian ini juga menyokong kajian lepas yang dilakukan Isnaini, M. (2013) menjelaskan bahawa implemenasi pendidikan agama telah membina nilai luhur pelajar seperti, keteladanan untuk berperilaku dan bertutur kata sopan, kedisiplinan, sentiasa sholat dhuhur berjamaah, suka berinfak setiap hari jumat, dan lain sebagainya. Selari dengan dapatan kajian Setiawan, D (2013) yang menyatakan bahwa penghayatan nilai murni secara langsung dapat meningkatkan tahap tingkah laku prososial para pelajar. Di mana, didapati secara langsung keenam-enam dimensi penghayatan nilai murni, seperti menghargai orang lain, mandiri, disiplin, sopan santun, berani, patriosme, merupakan dimensi penting yang berhubung kait dengan tingkah laku prososial pelajar (Setiawan, D., 2013).

